MAIWP



# Laporan Tahunan 2018

Memacu
Kegemilangan
Ummah




# RASIONAL

Berkonsepkan segi tiga yang disusun menjadi segi empat sama yang membawa maksud gabungan kepada satu usaha utuh MAIWP membangunkan sosioekonomi ummah di tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Tiga penjuru segi tiga juga menjadi hala tuju utama MAIWP yang melambangkan tiga gagasan pengurusan Islam yang didokong iaitu Islam Rahmatan Lil Alamin, Maqasid Syariah dan Model Malaysia.

Penggunaan warna korporat MAIWP menjadi aspirasi kekuatan MAIWP dalam pengurusan dan pentadbiran Islam di Wilayah Persekutuan.

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| ► **MAKLUMAT KORPORAT** | **7** |
| Latar Belakang | 8 |
| Objektif | 10 |
| Strategi | 11 |
| Aktiviti Utama | 11 |
| Carta Organisasi | 12 |
| Syarikat & Yayasan | 13 |

| | |
|---|---|
| ► **LAPORAN PENGERUSI** | **15** |
| Prestasi Kewangan | 16 |
| Kutipan & Agihan Zakat | 16 |
| Prasarana Umat Islam | 17 |
| Pendidikan | 18 |
| Inovasi | 18 |
| Syarikat Milik MAIWP | 18 |
| MAIWP Di Masa Akan Datang | 18 |
| Penghargaan | 18 |

| | |
|---|---|
| ► **LAPORAN SETIAUSAHA** | **19** |
| Keahlian | 21 |
| Bilangan Mesyuarat | 23 |
| Jawatankuasa Audit Dalam | 23 |
| Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan | 24 |

| | |
|---|---|
| ► **LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** | **25** |
| Aktiviti Agihan Zakat | 27 |
| • Agihan Menerusi Skim Bantuan | 28 |
| • Permohonan Zakat Dipermudahkan | 31 |
| • Pemerkasaan Daya Saing Penerima Zakat | 32 |
| • Aktiviti-aktiviti Lain Berkaitan Agihan Zakat | 33 |
| Pendidikan Awal Kanak-Kanak | 34 |
| • Darul Hannan | 34 |
| • Tadika Islam (Pra Sekolah) | 35 |
| Pendidikan Peringkat Menengah | 36 |
| • Sekolah Menengah Agama MAIWP | 36 |
| • Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan | 38 |
| • Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) | 39 |
| • Pondok Moden Al-'Abaqirah | 40 |
| • Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyyah (MSN) | 41 |
| Pendidikan Vokasional : Institut Kemahiran Baitulmal | 42 |
| Pengajian Warga Emas : Darul Ilmi | 44 |
| Kebajikan | 45 |
| • Darul Kifayah | 45 |
| • Dar Assaadah | 45 |
| Pengurusan Hartanah | 46 |
| Sumber Manusia | 46 |

# NGAN


| | |
|---|---|
| Kreativiti dan Inovasi | 47 |
| Teknologi Maklumat (ICT) | 47 |
| Integriti | 48 |
| Imej Korporat | 48 |
| Bantuan Kerajaan | 48 |
| Promosi dan Publisiti | 49 |
| Cawangan Labuan | 50 |
| Cawangan Putrajaya | 51 |
| Syarikat & Yayasan | 52 |
| • Hartasuci Sdn. Bhd. | 52 |
| • Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. | 55 |
| • Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. | 57 |
| • Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. | 59 |
| • MAIWP Dagang Sdn. Bhd. | 62 |
| • Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. | 63 |
| • MAIWP Healthcare Sdn.Bhd. | 64 |
| • Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan | 65 |
| Keberhasilan | 67 |
| Cabaran | 68 |
| Rancangan Masa Hadapan | 69 |
| Penutup | 69 |

| | |
|---|---|
| ► **BARISAN PENGURUSAN** | **71** |
| ► **PENYATA KEWANGAN** | **75** |
| Sijil Ketua Audit Negara | 76 |
| Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2018 | 80 |
| ► **ANALISIS PRESTASI KEWANGAN** | **123** |
| ► **INFORMASI** | **131** |
| Skim Bantuan Zakat | 132 |
| Takrif Asnaf | 134 |
| Sejarah & Perkembangan Institusi-Institusi | 136 |
| Bangunan & Premis | 139 |
| Direktori | 145 |

## *Penubuhan*
## MAIWP

Walau apa pun apa-apa
jua dalam Perlembagaan ini,
Yang di-Pertuan Agong
hendaklah menjadi
Ketua Agama Islam
di Wilayah-Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur, Labuan dan
Putrajaya; dan bagi maksud ini
Parlimen boleh melalui undang-undang
membuat peruntukan-peruntukan
bagi mengawal selia
hal ehwal Agama Islam dan
bagi menubuhkan suatu
Majlis untuk menasihati
Yang di-Pertuan Agong
mengenai perkara-perkara
yang berhubungan dengan
Agama Islam.

**Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**
**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV**
**SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K. (Selangor)., D.K. (Negeri Sembilan)., D.K. (Johor)., D.K. (Perak).,
D.K. (Perlis), D.K. (Kedah)., .D.K. (Terengganu)., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K., S.P.J.K.



# MAKLUMAT
# KORPORAT

# LATAR BELAKANG

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal umat Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001.

Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa :

> **“Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”**

Seksyen 4(1), Akta 505 pula menyatakan:-

> **“Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”**

Bidang kuasa MAIWP pula dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505 yang menyatakan:

> **“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.”**

# VISI

Peneraju dalam pembangunan dan kesejahteraan ummah

# MISI

Merealisasikan agenda pembangunan ummah secara terancang dan menyeluruh

# SLOGAN

Memacu Kegemilangan Ummah

# OBJEKTIF

- Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
- Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwwah Islamiah di kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.



# STRATEGI

- Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
- Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
- Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
- Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
- Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
- Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.

# AKTIVITI UTAMA

**Pengurusan Zakat**

**Pengurusan Wakaf**

**Pembangunan Modal Insan**

**Pembangunan Hartanah**

**Pelaburan**

**Terimaan sumber-sumber lain seperti fidyah, kaffarah, luqatah, wang tidak patuh syariah dan pusaka yang terhak kepada MAIWP**

## ALAMAT IBU PEJABAT

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Aras 10, Bangunan PERKIM
No. 150, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-4047 9444
No. Faks : 03-4044 9444

# CARTA ORGANISASI

## SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

### JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH AGENSI LAIN

- Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)
- Falak Syarie Wilayah Persekutuan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)
- Pengawasan Pengajaran Agama Wilayah Persekutuan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)
- Kaedah-kaedah Mahkamah Wilayah Persekutuan (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan)
- Peguam Syarie (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan)

### JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH MAIWP

- Baitulmal
- Darul Kifayah
- Dar Assaadah
- Pembangunan & Pelaburan
- Audit Dalam
- Lain-lain yang ditubuhkan oleh MAIWP

### PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

- Bahagian Baitulmal
- Bahagian Pembangunan Insan
- Bahagian Pembangunan & Pelaburan
- Bahagian Kewangan
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit Undang-undang
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Integriti
- Cawangan Labuan
- Cawangan Putrajaya
- Asrama MAIWP di Mesir

### SYARIKAT/ YAYASAN

- Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.
- Hartasuci Sdn. Bhd. (Pusat Pungutan Zakat MAIWP)
- Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur)
- Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS)
- MAIWP Dagang Sdn. Bhd.
- Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.
- MAIWP Healthcare Sdn. Bhd.
- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

# SYARIKAT & YAYASAN

**Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.**

Menawarkan perkhidmatan rawatan dan kemudahan kepakaran berkaitan kesihatan kepada masyarakat

**10 Januari 1984** | **100%**

**Hartasuci Sdn. Bhd.**
(Pusat Pungutan Zakat MAIWP)

Menguruskan kutipan zakat bagi pihak MAIWP di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

**17 November 1989** | **100%**

**Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan**

Melaksanakan akiviti-aktiviti kebajikan sosial di luar Wilayah Persekutuan untuk kemajuan umat Islam

**20 November 1990** | **100%**

**Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.**
(Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur)

Mengendalikan program akademik profesional yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

**23 April 1992** | **100%**

**Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd.**
(Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS)

Mengendalikan kursus-kursus dalam bidang perubatan dan kejururawatan yang diiktiraf oleh KPT dan MQA

**19 Mei 2003** | **100%**

**MAIWP Dagang Sdn. Bhd.**

Menjalankan aktiviti pembekalan barangan dan runcit serta Perniagaan Kedai Rakyat MAIWP

**27 September 2011** | **100%**

**Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.**

Mengurus dan mentadbir dana wakaf bagi pihak MAIWP untuk faedah dan kesejahteraan umat Islam di dalam dan luar Wilayah Persekutuan

**22 Ogos 2014** | **100%**

**MAIWP Healthcare Sdn. Bhd.**

Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan klinik serta rawatan perubatan kepada masyarakat

**20 Oktober 2016** | **100%**



# LAPORAN
# PENGERUSI

# LAPORAN PENGERUSI



**DATO' SRI SYED HUSSIEN ALHABSHEE**

Malaysia mencatatkan sejarahnya tersendiri pada tahun 2018 apabila berlakunya perubahan dalam landskap politik negara dengan perubahan kerajaan setelah berlangsungnya Pilihanraya Umum ke-14 pada Mei 2018.

Di bawah Malaysia Baharu yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri Tun. Dr. Mahathir Mohamed, kerajaan komited memegang amanah dalam menjalankan pentadbiran kerajaan dengan efisien, tulus, dinamik serta menyantuni rakyat. Kerajaan juga akan memastikan setiap daripada rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama.

Justeru itu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai sebuah agensi pengurusan Islam utama di Wilayah Persekutuan akan membantu merealisasikan wawasan ini.

Semua usaha ini akan digarap menerusi tiga prinsip utama pengurusan hal ehwal Islam yang diperkenalkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof iaitu menggunakan pendekatan Rahmatan Lil Alamin yang bersendikan Maqasid Syariah dan melahirkan Model Malaysia sebagai dasar serta hala tuju Malaysia Baharu.

Pada kali ini, saya melaporkan prestasi dan pencapaian MAIWP secara keseluruhan bagi tahun 2018.

## PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, MAIWP pada tahun 2018 telah mencatatkan pendapatan kumpulan sebanyak RM924,584,380 di mana kutipan zakat menyumbang 71.10% daripada jumlah pendapatan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM733,450,547 telah dibelanjakan meliputi pengagihan zakat, kakitangan & pengurusan dan lain-lain lagi.

**MAIWP dan kumpulan sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang cekap dan telus. Alhamdulillah, MAIWP telah mengekalkan pencapaian menerima sijil bersih bagi Penyata Kewangan sejak tahun 2006.**

## KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT

Pada tahun 2018, MAIWP melalui Pusat Pungutan Zakat MAIWP telah berjaya mengutip zakat sebanyak RM651.23 juta daripada 180,958 pembayar.

Kemampuan untuk membuat kutipan dalam jumlah yang besar ini dilihat antaranya adalah hasil kesedaran umat Islam dalam menunaikan tanggungjawab berzakat bukan sahaja di Wilayah Persekutuan bahkan di seluruh Malaysia amnya.

**Peratusan Pecahan Pendapatan Kumpulan Tahun 2018**




**Pecahan Perbelanjaan Kumpulan Tahun 2018**




**125,025**
**penerima bantuan zakat** tahun 2018 menerusi 28 skim bantuan

Justeru itu, amanah yang dipikul oleh MAIWP dalam mengagihkan dana zakat itu ditunaikan menerusi pelbagai program dan aktiviti. Secara keseluruhannya, sebanyak RM433,555,688 telah dibelanjakan antaranya merangkumi agihan zakat khusus menerusi 28 skim bantuan zakat kepada 125,025 orang penerima.

Bantuan zakat yang disalurkan tidak hanya bermatlamat memberi bantuan semata-mata, namun menjadi harapan yang lebih besar adalah mengeluarkan penerima daripada kemiskinan. Oleh itu, mulai tahun 2019 MAIWP mensasarkan untuk mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan pada kadar 2-4% setahun.

Selari dengan hasrat ini juga, MAIWP pada tahun 2018 telah berjaya melahirkan seramai 10 orang usahawan yang telah berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan dan meraih pendapatan di antara RM8,000.00 hingga RM30,000.00 sebulan

MAIWP dari masa ke semasa sentiasa mempermudahkan proses permohonan bantuan zakat. Pada tahun 2018, MAIWP telah memperkenalkan sebuah lagi platform yang memudahkan pemohon bantuan dikenali e-Baitulmal. Platform ini membolehkan permohonan bantuan zakat dibuat secara atas talian yang memfokuskan kepada bantuan kepada para pelajar di peringkat pengajian tinggi.

## PRASARANA UMAT ISLAM

Dana zakat tersebut juga diagihkan oleh MAIWP melalui lain-lain aktiviti agihan seperti operasi dan aktiviti institusi pendidikan, dakwah dan kebajikan serta pembangunan prasarana yang menjadi keperluan umat Islam seperti masjid, surau dan sebagainya.

Pada tahun 2018, sebuah prasarana yang dibangunkan khusus untuk kebajikan mualllaf iaitu Darul Hidayah telah dirasmikan pada 7 Mac.



MAIWP juga telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM3 juta kepada Pusat Pembedahan Katarak MAIWP-Hospital Selayang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

## PENDIDIKAN

MAIWP sehingga kini mempunyai 11 institusi pendidikan bermula daripada pusat asuhan dan didikan kanak-kanak sehingga pengajian tinggi. Kemampuan institusi-institusi ini untuk terus beroperasi dan melaksanakan aktiviti adalah hasil kekuatan dana zakat yang diterima dan dengannya, seramai 8,148 pelajar/pelatih menikmati peluang pendidikan di sini.

Institusi pendidikan di bawah MAIWP menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam akademik. Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) sebagai contoh telah berada pada kedudukan 10 terbaik di kalangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan bagi keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2018.

Selari dengan hasrat untuk menjadikan pengurusan Islam di Malaysia sebagai model kepada negara lain, maka MAIWP turut memberikan latihan kemahiran kepada pelajar dari Brunei menerusi Institut Kemahiran Baitulmal.



## INOVASI

MAIWP meneruskan kecemerlangan dalam bidang inovasi apabila dua produk inovasi MAIWP diiktiraf di kalangan tiga produk terbaik di Hari Inovasi & Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri pada 8 November 2018.

## SYARIKAT MILIK MAIWP

Sehingga tahun 2018, MAIWP telah melabur sebanyak RM61.46 juta dalam bentuk ekuiti iaitu modal berbayar bagi 8 buah syarikat milik penuh MAIWP.

Kejayaan pelaburan ekuiti ini boleh diterjemahkan melalui keuntungan terkumpul pelaburan syarikat MAIWP sebelum cukai berjumlah RM10.6 juta.

## MAIWP PADA MASA AKAN DATANG

Selari dengan hasrat kerajaan baharu, adalah menjadi harapan agar halatuju dan perancangan strategik MAIWP dapat ditambahbaik seterusnya dapat merancakkan lagi agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini.

Agensi pengurusan Islam di negara kita kini berhadapan tuduhan dan fitnah yang ditimbulkan oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, MAIWP digesa untuk terus mempergiatkan aktiviti publisiti dan promosi menerusi pelbagai medium agar dakwaan yang berlegar ditangani dengan segera. Tahniah diucapkan kepada MAIWP atas usaha terbaru mewujudkan saluran Berita MAIWP TV dalam meluaskan lagi sebaran maklumat.

Adalah menjadi hasrat agar MAIWP suatu hari nanti menjadi ikon institusi agama terbaik di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Sebagai agensi Islam utama di Wilayah Persekutuan, MAIWP di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V akan terus menggiatkan usaha dalam menyemarakkan syiar Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi MAIWP sebelum ini, YBhg. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) atas usaha dan sumbangan yang diberikan.

Tidak lupa juga kepada semua barisan Ahli MAIWP dan seluruh ahli-ahli jawatankuasa di bawah MAIWP yang sentiasa memberikan panduan dan nasihat dalam membawa MAIWP ke arah yang lebih cemerlang.

Ucapan penghargaan juga seharusnya diberikan kepada penggerak sebenar aktiviti dan program iaitu warga MAIWP itu sendiri yang sentiasa komited menunaikan tanggungjawab dan amanah melaksanakan tugas demi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Akhir kata, sama-sama kita berdoa agar Allah SWT sentiasa memberikan kita kekuatan dalam menunaikan amanah dan mendepani cabaran yang mendatang.

Sekian.

**DATO' SRI SYED HUSSIEN ALHABSHEE**
Pengerusi MAIWP

* Dato' Sri Syed Hussien dilantik sebagai Pengerusi MAIWP berkuatkuasa 1 Januari 2019



# LAPORAN
# SETIAUSAHA MAIWP

# LAPORAN SETIAUSAHA MAIWP




## HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Tahun 2018 menyaksikan perubahan landskap politik yang agak besar di negara kita. Namun apa yang boleh dibanggakan adalah transisi perubahan ini berlaku dalam suasana aman damai.

Tahniah diucapkan kepada kepimpinan negara yang baharu di bawah YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-7.

Di bawah portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, komitmen yang sama akan diberikan oleh warga MAIWP dengan berpegang kepada prinsip "Government of the Day".

Saya dengan ini sebagai Setiausaha MAIWP melaporkan beberapa perkara yang menjadi dasar dalam perjalanan MAIWP sebagai agensi pengurusan Islam utama di Wilayah Persekutuan.

## KEAHLIAN
### MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018






















1. **Pengerusi**
   **Kosong**
2. **Timbalan Pengerusi**
   **YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha**
   *Mantan Ketua Pengarah*
   *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*

**Ex-Officio**

3. **YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali**
   *Timbalan Ketua Setiausaha Kanan*
   *Jabatan Perdana Menteri*
   *Wakil Ketua Setiausaha Negara*
4. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali**
   *Peguam Negara Malaysia*
5. **YDH. CP Datuk Seri Mazlan bin Lazim**
   *Ketua Polis Kuala Lumpur*
6. **Sahibul Samahah Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri**
   *Mufti Wilayah Persekutuan*
7. **YBhg. Tan Sri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz**
   *Datuk Bandar Kuala Lumpur*

**Ahli**

8. **YB Datuk Rozman bin Isli**
   *Ahli Parlimen Labuan*
9. **YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman**
   *Penasihat Perundangan Syariah*
   *Jabatan Peguam Negara*
10. **YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikshan**
    Ketua Setiausaha
    Kementerian Wilayah Persekutuan


























11. **YBhg. Datuk Haji Abd Aziz @ Aziz bin Che Yacob**
    *Pegawai Agama*
    *Istana Negara*
12. **YBhg. Dato' Prof. Dr. Sudin bin Haron**
    *Ketua Pegawai Eksekutif*
    *Yayasan Wakaf Malaysia*
13. **YBhg. Datuk Seri Haji Rizuan Bin Ab Hamid**
    *Mantan Ahli Dewan Negara /Ahli Perniagaan/ Pemimpin Masyarakat*
14. **YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri**
    *Mantan Timbalan Ketua Pengarah*
    *Jabatan Audit Negara*
15. **YBhg. Dato' Mohamad bin S. Ahmad**
    *Ahli Perniagaan*
16. **YBhg. Datuk Syed Mehdhar bin Syed Abdullah**
    *Ahli Perniagaan*
17. **YBhg. Datuk Haji Ibrahim bin Thamby Chik**
    *Ahli Perniagaan/Pemimpin Masyarakat*
18. **YBhg. Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz**
    *Pensyarah*
    *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*
19. **YBhg. Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin**
    *Presiden*
    *Malaysia Chinese Muslim Associates (MACMA)*
20. **YBrs. Encik Khairul bin Kamarudin**
    *Ketua Pegawai Eksekutif*
    *Bank Islam Malaysia Berhad*

**Setiausaha**

21. **YBhg. Tuan Haji Mohd Ajib bin Ismail**
    *Pengarah*
    *Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*
    *Merangkap*
    *Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*

**Ketua Pegawai Eksekutif**

22. **YBhg. Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh**

## BILANGAN MESYUARAT

Seksyen 22 (4) , Akta 505 menyebut:

"Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya."

Seksyen 17, Akta 505 pula menyebut:

"Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat, adalah sah, melainkan jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu."

Pada tahun 2018, Mesyuarat MAIWP telah bersidang sebanyak 4 kali seperti berikut:



*Akta 505 yang menjadi punca kuasa utama MAIWP dalam melaksanakan peranannya*

| BIL. | MESYUARAT | TARIKH | KEHADIRAN AHLI MAIWP |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat MAIWP Kali Ke-143 Bil. 1/2018 | 27 Mac 2018 | 14/21 |
| 2. | Mesyuarat MAIWP Kali Ke-144 Bil. 2/2018 | 28 Ogos 2018 | 14/21 |
| 3. | Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 1/2018 | 1 Oktober 2018 | 12/21 |
| 4. | Mesyuarat MAIWP Kali Ke-145 Bil. 3/2018 | 29 Oktober 2018 | 13/21 |

## JAWATANKUASA AUDIT DALAM

MAIWP turut mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD). Penubuhan JKAD adalah mengikut Surat Pekeliling AM Bil. 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan.

Fungsi Utama Jawatankuasa Audit seperti yang terkandung di Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 ialah:

a) mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya;
b) mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam;
c) mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Luar;
d) mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga Pengarah;
e) mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
f) mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada auditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah;
g) mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah serta tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Badan Berkanun yang berkenaan;
h) memastikan bahawa Badan Berkanun sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh 21 Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa;
i) melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
j) melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan, untuk tindakan yang sesuai.

JKAD telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2018. Sebanyak 17 laporan audit telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKAD sepanjang tahun 2018.

JKAD MAIWP dianggotai oleh:

**Pengerusi**
YBhg. Datuk Haji Ibrahim bin Thamby Chik
Ahli Perniagaan dan Aktivis Masyarakat

**Ahli**
YBhg. Datuk Haji Abd Aziz bin Che Yacob
Pegawai Agama Istana Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri
Mantan Timbalan Ketua Audit Negara

YBhg. Datuk Seri Zuki bin Mohd Ali
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

## JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PELABURAN

Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan (JKPP) MAIWP berperanan meneliti dan memperakukan cadangan pelaburan, cadangan pembangunan projek, perolehan/ penjualan hartanah dan memantau pelaksanaan projek MAIWP.

Sepanjang tahun 2018, JKPP telah bermesyuarat sebanyak 1 kali dan dianggotai oleh:

**Pengerusi**
YBhg. Dato' Syed Mehdhar bin Syed Abdullah
Ahli MAIWP

**Ahli**
YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
Ahli MAIWP

YBhg. Datuk Hj. Sahrom bin Ujang
Mantan Pengarah
Jabatan Perancangan Bandaraya
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

En. Radin Adi Hilmi bin Radin Shamsudin
Pengurus Kanan Pelaburan Hartanah
Lembaga Tabung Haji

En. Azlan bin Dato' Ir. Haji Azizuddin
Senior Vice President
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

Puan Maizura binti Mohamed
Pengurus Besar Kanan
Strategi & Perkhidmatan Korporat
TH Plantations Berhad

Ar. Zairul Azidin bin Badri
Pengarah Kanan
Cawangan Arkitek
Jabatan Kerjaraya Malaysia (JKR)

## PENUTUP

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua warga MAIWP yang sentiasa proaktif dan menunjukkan komitmen yang jitu dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Kebersamaan dan kerjasama yang erat antara warga MAIWP dan agensi lain serta masyarakat seluruhnya membolehkan MAIWP bergerak mengikut landasan yang ditetapkan.

Semoga usaha dan keikhlasan dalam melaksanakan agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini akan dibalas oleh Allah dengan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda.

Sekian, dibentangkan maklumat-maklumat di atas bagi Laporan Tahunan MAIWP 2018.

**HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL**
Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
merangkap Setiausaha
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)



LAPORAN
# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

# LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



## DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH



Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, MAIWP pada tahun ini sekali lagi telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh umat Islam untuk membangunkan sosioekonomi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Saya telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai pengurusan MAIWP berkuatkuasa 20 April 2018 menggantikan YBhg. Dato' Haji Paimuzi bin Yahya. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada beliau di atas usaha-usaha yang telah dibuat sepanjang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.

Di bawah kepimpinan kerajaan baharu, warga MAIWP komited menunaikan amanah dan tanggungjawab dalam perkhidmatan selari dengan prinsip "Goverment of the Day". Tiga gagasan agensi pengurusan Islam yang diperkenalkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof iaitu Islam Rahmatan Lil Alamin, Maqasid Syariah dan Model Malaysia akan dijadikan dasar dalam pelaksanaan setiap aktiviti MAIWP.

## AKTIVITI AGIHAN ZAKAT

Program agihan zakat merupakan program utama MAIWP. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan diuruskan oleh MAIWP melalui Pusat Pungutan Zakat MAIWP manakala kutipan zakat fitrah diuruskan sendiri oleh MAIWP.



Kutipan tersebut kemudiannya diagihkan oleh MAIWP kepada golongan asnaf yang ditetapkan. MAIWP berusaha menunaikan amanah para pembayar zakat dengan melaksanakan pelbagai program agihan agar zakat dapat disalurkan secara optimum kepada golongan sasar.

Sepanjang tahun 2018, MAIWP telah membelanjakan zakat sebanyak RM551.56 juta.

Perbelanjaan agihan sebanyak RM433.56 juta atau 78.6% daripada keseluruhan perbelanjaan zakat merupakan perbelanjaan yang dibuat menerusi 28 skim agihan zakat di Baitulmal MAIWP dan perbelanjaan melalui institusi-institusi MAIWP seperti Institut Kemahiran Baitulmal, Darul Hannan, Tadika Islam, Darul Kifayah dan SMISTA. Ianya juga termasuk pengembalian semula wang zakat kepada pembayar zakat untuk diagihkan sendiri kepada asnaf dinamakan al-Wakalah agihan zakat.

Al-Wakalah agihan zakat adalah bentuk agihan di mana MAIWP mewakilkan pengagihan zakat kepada pembayar yang terdiri daripada syarikat korporat, individu dan institusi pengajian tinggi dalam usaha meningkatkan liputan pengagihan di luar dan dalam Wilayah Persekutuan.




Pecahan Perbelanjaan Agihan Zakat 2018

| BIL. | AKTIVITI AGIHAN | JUMLAH AGIHAN (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Agihan zakat menerusi skim-skim bantuan | 289,944,789 |
| 2. | Al-Wakalah Agihan Zakat | 58,204,135 |
| 4. | Upah amil PPZ-MAIWP | 41,391,135 |
| 3. | Pembinaan Prasarana Umat Islam | 32,339,214 |
| 6. | Aktiviti Darul Kifayah | 4,642,041 |
| 7. | Aktiviti Institut Kemahiran Baitulmal | 3,416,212 |
| 8. | Aktiviti Sekolah Menengah Agama MAIWP | 1,484,300 |
| 9. | Pondok Moden Al-Abaqirah | 967,125 |
| 5. | Aktiviti Tadika- tadika Islam | 580,000 |
| 13. | Kompleks Dar Assaadah | 257,773 |
| 10. | Aktiviti Darul Hannan | 155,190 |
| 11. | Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyah | 103,036 |
| 12. | Aktiviti Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz | 70,738 |
| | **JUMLAH** | **433,555,688** |

## AGIHAN MENERUSI SKIM BANTUAN

Sepanjang tahun 2018, sebanyak RM289.94 juta telah diagihkan menerusi 28 skim agihan zakat melibatkan 125,025 penerima yang dipecahkan kepada kategori berikut:

**KEBAJIKAN**
Membantu memenuhi keperluan bulanan, musim perayaan dan kes-kes kecemasan/tertentu

RM**105.16** juta

**60,839** penerima

**EKONOMI**
Menggalakkan asnaf berdikari menerusi aktiviti keusahawanan

RM**1.08** juta

**460** penerima

**PERUBATAN**
Membantu pesakit dalam menjalani rawatan dan menampung kos ubatan dan peralatan kesihatan termasuk rawatan hemodialisis kepada pesakit buah pinggang

RM**20.19** juta

**3,551** penerima

**DAKWAH DAN PEMBANGUNAN UMMAH**
Menggalakkan pelaksanaan aktiviti dakwah dan kebajikan oleh Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk masjid dan surau serta institusi Pendidikan

RM**92.38** juta

**763** institusi

**PERLINDUNGAN**
Menjamin tempat tinggal yang sempurna kepada asnaf

RM**8.11** juta

**3,732** penerima

**PENDIDIKAN**
Memastikan anak-anak keluarga asnaf mendapat peluang pendidikan dari peringkat sekolah sehingga pengajian tinggi

RM**63.02** juta

**55,680** penerima



Agihan Zakat MAIWP Di Wilayah-Wilayah Persekutuan Menerusi Skim Bantuan Tahun 2014-2018

| BIL | SKIM BANTUAN | 2014 | | 2015 | | 2016 | | 2017 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA |
| 1. | Bantuan Kewangan Bulanan | 85,885,195 | 23,824 | 113,469,518 | 25,831 | 105,765,971 | 24,373 | 82,581,430 | 23,274 | **84,895,870** | **22,635** |
| 2. | Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan | 5,485,156 | 2,940 | 8,304,590 | 4,394 | 9,083,590 | 3,628 | 6,946,236 | 3,400 | **7,892,492** | **3,719** |
| 3. | Bantuan Membina/Membaiki Rumah / Deposit Rumah | 1,579,027 | 121 | 1,650,602 | 45 | 806,226 | 13 | 82,473 | 17 | **217,657** | **13** |
| 4. | Bantuan Perubatan | 18,069,451 | 2,604 | 29,737,218 | 3,915 | 23,132,176 | 2,777 | 17,208,580 | 2,959 | **20,194,752** | **3,551** |
| 5. | Bantuan Menyelesaikan Hutang | 4,900,529 | 1,990 | 5,899,683 | 2,431 | 838,162 | 468 | 1,276,351 | 1,195 | **1,802,312** | **1,405** |
| 6. | Bantuan Perniagaan | 6,158,135 | 1,974 | 4,813,552 | 1,538 | 757,290 | 252 | 710,773 | 344 | **1,049,812** | **442** |
| 7. | Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi | 763,600 | 178 | 301,300 | 61 | 15,000 | 4 | 0 | 0 | **0** | **0** |
| 8. | Bantuan Deposit Van/ Bas Sekolah | 40,000 | 4 | 40,000 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** | **0** |
| 9. | Bantuan Pertanian/ Perikanan/ Penternakan | 78,343 | 13 | 116,230 | 8 | 8,250 | 2 | 0 | 0 | **25,310** | **17** |
| 10. | Bantuan Am Persekolahan | 14,389,177 | 21,846 | 16,239,230 | 29,301 | 10,686,937 | 24,137 | 11,226,322 | 22,824 | **11,893,738** | **24,752** |
| 11. | Bantuan Am Pelajaran IPT | 28,978,380 | 9,085 | 39,167,256 | 11,162 | 17,046,785 | 6,895 | 12,105,698 | 5,223 | **10,490,850** | **4,121** |
| 12. | Bantuan Pakaian dan Peralatan Persekolahan | 5,140,845 | 22,732 | 208,187 | 2,858 | 8,184,097 | 26,099 | 3,032,763 | 18,630 | **5,496,617** | **19,297** |
| 13. | Bantuan Biasiswa / Insentif Khas Pelajar Cemerlang Dalam dan Luar Negara | 6,761,203 | 329 | 9,180,386 | 515 | 6,719,824 | 443 | 4,532,422 | 394 | **5,076,710** | **305** |
| 14. | Bantuan Persediaan IPT | 3,008,000 | 3,024 | 3,397,000 | 3,880 | 784,000 | 1,442 | 640,000 | 1,553 | **844,850** | **1,657** |

| BIL | SKIM BANTUAN | 2014 | | 2015 | | 2016 | | 2017 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH (RM) | BILANGAN PENERIMA |
| 15. | Bantuan Tuisyen | 46,047 | 85 | 65,586 | 83 | 0 | 0 | 0 | 0 | **-** | **0** |
| 16. | Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS | 11,252,200 | 4,544 | 20,125,779 | 3,884 | 19,381,440 | 4,366 | 27,506,100 | 3,245 | **20,654,850** | **3,312** |
| 17. | Bantuan Pelajaran Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) | 11,564,853 | 2,726 | 30,850,522 | 5,656 | 28,473,582 | 6,728 | 19,660,198 | 2,260 | **7,850,378** | **1,934** |
| 18. | Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran | 1,296,250 | 297 | 1,749,500 | 675 | 794,000 | 273 | 807,000 | 321 | **716,250** | **302** |
| 19. | Bantuan Musibah | 1,431,174 | 775 | 3,591,322 | 1,162 | 481,343 | 462 | 452,918 | 732 | **563,500** | **692** |
| 20. | Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan (NGO) & Institut Pendidikan | 113,887,398 | 1,266 | 130,326,387 | 1,774 | 92,229,396 | 813 | 109,591,764 | 707 | **92,366,842** | **763** |
| 21. | Bantuan Perkahwinan | 4,986,400 | 2,925 | 6,563,485 | 3,650 | 1,289,800 | 994 | 720,500 | 772 | **701,000** | **621** |
| 22. | Bantuan Membeli Motosikal OKU | 7,000 | 1 | 33,273 | 5 | 7,000 | 2 | 10,000 | 1 | **9,764** | **1** |
| 23. | Bantuan Guaman Syarie | 115,825 | 26 | 315,236 | 55 | 151,700 | 38 | 70,563 | 133 | **70,264** | **14** |
| 24. | Bantuan Tambang & Keperluan Diri (Ibnu Sabil) | 412,160 | 1,488 | 530,945 | 1,695 | 251,672 | 895 | 301,959 | 952 | **313,459** | **1,028** |
| 25. | Bantuan Kecemasan | 1,190,615 | 8,878 | 1,718,220 | 10,289 | 1,473,875 | 9,370 | 1,555,702 | 9,510 | **5,411,772** | **11,654** |
| 26. | Bantuan Takaful Asnaf | 4,000 | 199 | 627,600 | 20,025 | 0 | 0 | 0 | 0 | **-** | **0** |
| 27. | Bantuan Aidilfitri | 11,966,000 | 25,225 | 13,074,100 | 31,017 | 3,997,850 | 26,752 | 9,062,000 | 22,727 | **11,405,740** | **22,790** |
| 28. | Bantuan Institusi Tahfiz | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** | **0** |
| | **JUMLAH** | **339,396,963** | **139,099** | **442,096,707** | **165,914** | **332,359,966** | **141,226** | **310,081,752** | **121,173** | **289,944,789** | **125,025** |

* Jumlah agihan pada tahun 2018 menurun berbanding tahun 2017 disebabkan penyelarasan kadar bantuan. Walau bagaimanapun, jumlah agihan dijangka akan menunjukkan peningkatan pada tahun akan datang setelah kadar baru Had al-Kifayah diluluskan pada tahun 2018 dan mula dilaksanakan pada tahun 2019




1 **PAZA** Pusat Agihan Zakat

2 **Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP**

3 **Kaunter Bergerak Baitulmal MAIWP**

## PERMOHONAN ZAKAT DIPERMUDAHKAN

Usaha-usaha untuk mempermudahkan permohonan bantuan zakat dilaksanakan menerusi:

- Pembukaan Pusat Agihan Zakat (PAZA) di sekitar Wilayah Persekutuan. PAZA memudahkan pemohon bantuan zakat untuk berurusan dengan Baitulmal MAIWP di mana mereka hanya perlu hadir ke PAZA yang berhampiran tanpa perlu hadir ke ibu pejabat Baitulmal MAIWP. PAZA memberi impak dan manfaat yang besar dalam pengurangan kos, masa dan tenaga asnaf itu sendiri selain meluaskan lagi agihan zakat.

**Pengunjung Pusat Agihan Zakat (PAZA) Sepanjang Tahun 2018**




- Menubuhkan Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP untuk menjejaki dan mencari mereka yang memerlukan yang tercicir daripada menerima bantuan zakat. Sehingga tahun 2018, seramai 3,493 asnaf disantuni menerusi aktiviti turun padang oleh Skuad Jejak Asnaf.

- Pembukaan Kaunter Bergerak Baitulmal MAIWP yang bergerak ke lokasi-lokasi tumpuan orang ramai seperti kawasan perumahan, masjid dan tapak-tapak ekspo bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan Baitulmal MAIWP. Sepanjang tahun 2018 kaunter ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah bergerak ke 141 lokasi.






## PEMERKASAAN DAYA SAING PENERIMA ZAKAT

Selain memberikan bantuan zakat terus kepada asnaf, Baitulmal MAIWP turut mengadakan aktiviti dan program untuk menambahkan daya saing penerima zakat. Ianya dilaksanakan menerusi:

- Menganjurkan Seminar Kesedaran Pemilikan Sijil Halal kepada usahawan Baitulmal MAIWP dengan kerjasama Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);

- Menganjurkan Kursus Asas Perniagaan Usahawan Asnaf MAIWP pada 7 – 8 Mac sebagai memperkasakan produk yang diusahakan oleh asnaf dan mengetahui urusan dalam menyediakan penyata kewangan;

- Menganjurkan Bengkel Jahitan dan Masakan Usahawan Baitulmal dengan kerjasama Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) pada 12-13 Mei 2018. Bengkel ini membantu meningkatkan kemahiran, teknik jahitan dan masakan; dan

- Menerokai ilmu usahawan dengan melihat usahawan asnaf negeri yang lain untuk menimba pengalaman dengan lawatan kerja ke Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan lawatan ke premis usahawan berjaya MAINS.




**Seminar Kesedaran Pemilikan Sijil Halal**



**Kursus Asas Perniagaan Usahawan Asnaf**



**Bengkel Jahitan dan Masakan Usahawan Baitulmal**



**Teroka Ilmu Usahawan Berjaya**









## AKTIVITI-AKTIVITI LAIN BERKAITAN AGIHAN ZAKAT


Latih skuad jejak asnaf, cari pesakit

- Memberi latihan kepada para pegawai agihan Baitulmal MAIWP untuk mengenal pasti pesakit katarak. Latihan ini menjadi satu nilai tambah yang membolehkan pegawai agihan mengenal pasti asnaf yang menghadapi masalah katarak dan mengesyorkan bantuan perubatan yang bersesuaian. Latihan ini dibuat dengan kerjasama Pusat Pembedahan Katarak MAIWP- Hospital Selayang.




- Menyantuni gelandangan menerusi Skuad Jejak Gelandangan. Tumpuan diberikan kepada gelandangan berkeluarga di mana mereka akan ditempatkan secara sementara di Rumah Transit Baitulmal MAIWP. Mereka akan berpindah keluar setelah rumah diperolehi dan bantuan sewa rumah dan lain-lain bantuan zakat akan disalurkan.

- Mengadakan Kembara Zakat pada 4 Mac 2018 bagi memperhebatkan usaha untuk memaklumkan kepada masyarakat tentang usaha MAIWP dalam pengagihan zakat. Kembara zakat ini bergerak ke lima lokasi di sekitar ibu negara iaitu Wangsa Maju, Setiawangsa, Titiwangsa dan Bandar Tun Razak sebelum berakhir di Lembah Pantai. Konvoi Kembara Zakat ini disertai kenderaan penerima bantuan zakat Baitulmal MAIWP iaitu Skim Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi diiringi motosikal berkuasa tinggi daripada Kelab MAIWP Bikers.



- Mengadakan program Ibadah Qurban Perdana pada 23 Ogos 2018 bertempat di Kompleks Darul Kifayah yang menyaksikan 1,000 orang asnaf menerima agihan daging qurban.



- Mendorong usaha penubuhan Koperasi Asnaf yang dibuka atas inisiatif penerima Bantuan Perniagaan Baitulmal untuk mengenengahkan lagi produk keluaran mereka dan menjadi platform untuk saling membantu sesama mereka untuk mengembangkan perniagaan.

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

| PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK | PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH | PENDIDIKAN VOKASIONAL | PENGAJIAN WARGA EMAS |
|---|---|---|---|
| Darul Hannan<br><br>Tadika Islam (Prasekolah) | Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)<br><br>Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) Labuan<br><br>Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA)<br><br>Pondok Moden Al-'Abaqirah<br><br>Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyyah | Institut Kemahiran Baitulmal | Darul Ilmi |

## PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Aktiviti pembangunan modal insan MAIWP bermula daripada peringkat umur 2 tahun hingga 6 tahun di institusi pendidikan awal kanak-kanak iaitu Taska Darul Hanan dan Tadika Islam MAIWP.

**a) Darul Hannan**

- Melaksanakan program Pengasuhan & Pendidikan Awal Kanak-kanak atau dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Darul Hannan (TASKA) bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.

- Beroperasi di Masjid Wilayah Persekutuan dan Institut Kemahiran Baitulmal.






- Pada tahun 2018, Darul Hannan menempatkan seramai 60 orang kanak-kanak.

- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan 'Belajar Melalui Bermain' bagi merangsang setiap perkembangan personaliti dan minda kanak-kanak.

- Seramai 80% kanak-kanak yang berumur 3 dan 4 tahun berjaya menguasai 10 Surah Lazim dan 10 Doa Harian serta kemahiran kendiri.

**Statistik Kanak-Kanak di Darul Hannan Tahun 2014 - 2018**




**80%** kanak-kanak 3 & 4 tahun menguasai **Surah Lazim** & **10 Doa Harian** serta kemahiran diri



**b) Tadika Islam (Prasekolah)**

- Melaksanakan program pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun dengan menggunapakai kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

- Pada tahun 2018, terdapat seramai 6,336 pelajar di Tadika-tadika Islam MAIWP

- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan pendidikan Islam dan arus perdana dalam usaha mengembangkan kemahiran asas dan potensi kanak-kanak dalam segala aspek perkembangannya sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan yang sebenar (formal).

- Terdapat 81 buah Tadika Islam MAIWP di Wilayah Persekutuan iaitu 70 di Kuala Lumpur, 7 Putrajaya dan 4 Labuan.

- Seramai 108 orang guru Tadika Islam MAIWP telah menerima Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak pada 2 Februari 2018. Mereka merupakan kumpulan pertama daripada 172 orang guru yang dihantar mengikuti kursus berkenaan bermula Mei 2014 di Kolej Perkembangan Awal Kanak-kanak

- MAIWP sentiasa menjalinkan hubungan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan dengan Kurikulum Standard PraSekolah Kebangsaan (KSPK) sepanjang tahun 2018. Pelaksanaan kursus KSPK Ini akan memberi pendedahan dan kemahiran semasa kepada 370 orang guru Tadika Islam MAIWP terutama di dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan. Pendedahan Kemahiran Ini memberi Impak yang positif di dalam melahirkan hasil keluaran Produk Cilik MAIWP.

**81 Tadika Islam**

**70 Kuala Lumpur** | **7 Putrajaya** | **4 Labuan**

**Jumlah Pelajar Tadika Islam MAIWP Tahun 2014 - 2018**






## PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH

Pembangunan modal insan di peringkat menengah diteruskan oleh MAIWP menerusi lima buah institusi di bawahnya.

**a) Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)**

- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini bermula Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5
- Beroperasi di Bandar Sri Permaisuri, Cheras
- Merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK)
- Pada tahun 2018, terdapat seramai 711 orang pelajar di SMA-MAIWP.

**Pecahan Pelajar SMA-MAIWP Tahun 2018**




- SMA-MAIWP disenaraikan di kalangan 10 sekolah terbaik Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bagi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2018 dengan Gred Purata Sekolah 2.74.
- Pada tahun 2018, SMA-MAIWP telah menganjurkan aktiviti di peringkat kebangsaan iaitu Kolokium Matematik Tambahan, Simposium Bahasa Inggeris dan Mahrajan Memanah Tradisonal Institusi Pendidikan Agama Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Membuka buat pertama kali kelas Sijil Tinggi Agama Menengah
- Pencapaian di peringkat antarabangsa:
    - Menjadi Johan dalam 4 acara iaitu Video Pendek, Penulisan Esei, , Pengucapan Awam dan Khat Menengah dalam Pertandingan Sempena Hari Bahasa Arab Sedunia (WALD) peringkat antarabangsa anjuran KUIS-ISESCO. SMA-MAIWP juga menerima anugerah khas Video Terbaik yang disampaikan oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia.
    - Berada dalam kelompok lapan pasukan terbaik kategori penutur jati dalam Debat Bahasa Arab di Qatar
    - Menjadi pasukan 10 terbaik dalam kalangan 52 pasukan dunia di Kejohanan Robotik Antarabangsa di Shenzen, China. SMA-MAIWP telah mewakili Malaysia dalam kejohanan tersebut.
    - Menganjurkan Lawatan Pertukaran Budaya Malaysia-Jepun ke Osaka, Jepun melibatkan 27 orang pelajar termasuk 2 orang pelajar asnaf dan 3 orang guru.
    - Menggondol pingat emas dan perak dalam Kejohanan Memanah Jemputan Antarabangsa Sekolah Berasrama Penuh dan tempat ketiga berpasukan wanita

**Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP dalam Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2014- 2018**

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| 13A | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 |
| 12A | 0 | 0 | 0 | 9 | 5 |
| 11A | 1 | 11 | 12 | 19 | 13 |
| 10A | 5 | 20 | 49 | 28 | 9 |
| 9A | 5 | 23 | 55 | 19 | 18 |
| 8A | 14 | 28 | 43 | 22 | 18 |
| 7A | 21 | 22 | 29 | 20 | 19 |
| 2A-6A | 74 | 18 | 32 | 19 | 66 |

**Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP dalam Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018**




**10** **Terbaik SABK**

Gred Purata Sekolah
**2.74 SPM 2018**

**10** **Terbaik** /52 pasukan

Kejohanan Robotik Antarabangsa







## b) Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan

- Beroperasi di Kampung Lubuk Temiang, Labuan.
- Pada tahun 2018, terdapat seramai 247 pelajar di sekolah ini.

**Pecahan Pelajar SMA-MAIWP Labuan Tahun 2018**




- Pencapaian Tahun 2018:
  - Gred Purata Sekolah bagi Sijil Pelajaran Malaysia mencatatkan peningkatan daripada 3.51 pada tahun 2017 kepada 3.30 pada tahun 2018 dan buat pertama kalinya pelajar mendapat 10A sejak tahun pertama SPM di sekolah ini pada tahun 2015
  - Memperolehi 3 anugerah tertinggi iaitu Anugerah Khas Kumpulan Pengakap Terbaik, Anugerah Khas Ketua Troop Pengakap Muda Terbaik dan Anugerah Khas Khidmat Masyarakat & Komuniti Pengakap Negeri W.P Labuan
  - Naib Johan Perbarisan Hari Malaysia 2018 kategori agensi kerajaan dan tempat ketiga bagi kategori sekolah menengah & Institiut Pengajian Tinggi peringkat Labuan
  - Johan kategori sepanduk dan tempat ketiga kategori perbarisan pelajar-pelajar sekolah menengah bagi Perbarisan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Labuan 2018

**Statistik Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP Labuan dalam Pentaksiran Tingkatan 3, 2015-2018**

| | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|
| 12A | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 11A | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 10A | 1 | 0 | 1 | 0 |
| 9A | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 8A | 0 | 5 | 0 | 0 |
| 7A | 4 | 0 | 4 | 3 |
| 0A-6A | 43 | 46 | 42 | 46 |

**Statistik Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP Labuan dalam Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018**








### c) Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA)

- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan 2 kurikulum bersepadu iaitu Kurikulum Perdana KBSM/KSSM dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)
- Beroperasi di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur
- Jumlah pelajar bagi tahun 2018 adalah seramai 395 orang.

**Pecahan Pelajar SMISTA Tahun 2018**




- Pencapaian:
  - Seramai 7 orang murid telah mendapat kesemua A dalam 13 mata pelajaran bagi Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) 2018 dengan GPS 1.31
  - Seramai 92 orang murid telah lulus Isbat Skim Galakan Hafazan MAIWP
  - Seramai 5 orang murid telah mendapat Sijil Tahfiz Malaysia (STM) Anjuran JAKIM
  - Naib Johan Pertandingan Majlis Menghafaz Al-Quran peringkat Wilayah Persekutuan Kategori 1-10 Juzuk
  - Tempat ketiga Pertandingan Musabaqah Al-Quran ITQAN Peringkat Kebangsaan Kali ke 11 Kategori 1-30 Juzuk.
  - Johan pertandingan Hafazan dan Tempat Ke-tiga Tilawah Al-Quran Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Menengah Agama Malaysia Peringkat kebangsaan (MIISSMAM)
  - Johan Hafazan Menengah Rendah pertandingan Majlis Ihtifal Sekolah-sekolah (MISS KPM) Peringkat Kebangsaan
  - Mendapat pingat perak for iCompex'18 Peringkat Kebangsaan
  - Johan PYP-IIUM River Innovation Competition 2018 peringkat kebangsaan
  - Mendapat 3 emas, 1 perak dan 9 gangsa di pertandingan 5th JLK Taekwondo MILO Poomsae Championship 2018 peringkat kebangsaan
  - Johan Pertandingan Inovasi IMR peringkat kebangsaan
  - Johan pertandingan mencipta logo Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR)

**Statistik Pencapaian Pelajar SMISTA dalam Pentaksiran Tingkatan 3, Tahun 2014-2018**

| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| 13A | 0 | 0 | 0 | 11 | 7 |
| 12A | 0 | 0 | 0 | 15 | 11 |
| 11A | 2 | 7 | 15 | 17 | 16 |
| 10A | 6 | 10 | 27 | 16 | 19 |
| 9A | 5 | 12 | 12 | 8 | 19 |
| 8A | 11 | 9 | 4 | 10 | 11 |
| 7A | 10 | 12 | 0 | 2 | 4 |
| 4A-6A | 13 | 8 | 0 | 2 | 2 |

**Statistik Pencapaian Pelajar SMISTA dalam Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018**



**Pencapaian Hafazan Al-Quran Pelajar SMISTA Tahun 2018**

| Juzuk | Tingkatan 1 | Tingkatan 2 | Tingkatan 3 | Tingkatan 4 | Tingkatan 5 |
|---|---|---|---|---|---|
| JUZUK 1-5 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUZUK 6-10 | 68 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| JUZUK 11-15 | 6 | 24 | 0 | 0 | 0 |
| JUZUK 16-20 | 0 | 50 | 8 | 0 | 0 |
| JUZUK 21-25 | 0 | 5 | 66 | 2 | 0 |
| JUZUK 26-30 | 1 | 5 | 15 | 80 | 53 |






## d) Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA)

- Merupakan institusi pengajian bawah MAIWP yang melaksanakan kurikulum berteraskan kitab-kitab turath yang diintegrasikan dengan pembelajaran akademik arus perdana dan hafazan Al-Quran.
- Mempunyai seramai 182 orang pelajar pada tahun 2018.

**Pecahan Pelajar PMA Tahun 2018**




- Pencapaian tahun 2018:
  - Gred Purata Sekolah bagi Sijil Pelajaran Malaysia mencatatkan peningkatan daripada 2.87 pada tahun 2017 kepada 2.06 untuk tahun 2018.
  - Merupakan Pusat Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang pertama di Wilayah Persekutuan bawah kelolaan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).
  - Sekolah pertama di Wilayah Persekutuan mendapat keputusan Mumtaz Sofi (10 Mumtaz) dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).
  - Mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Bacaan Kitab Turath peringkat kebangsaan anjuran JAKIM (Majlis Ihtifal Islam Sekolah Menengah Agama Malaysia).
  - Menyertai Malaysian Astronomy Olympiad dengan mendapat anugerah 'Silver Award' peringkat kebangsaan.
  - Seramai dua orang pelajar memperoleh Sijil Tahfiz Malaysia (STM) dengan keputusan Mumtaz dan Jayyid Jiddan.
  - Lapan (8) orang pelajar telah dianugerahkan Syahadah 'Ulya Pondok Moden Al-'Abaqirah yang diperakui oleh Mufti Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

**10 Mumtaz** TERBAIK

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)





**e) Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyyah (MSN)**

- Mula beroperasi pada 19 April 2017 di Kampung Baru, Kuala Lumpur dengan 17 orang pelajar dan 4 orang tenaga pengajar.
- Telah mula beroperasi di Bangunan Danau Lumayan, Cheras pada September 2018.
- Mensasarkan pelajar lepasan PT3 dengan tempoh pengajian selama 4 tahun.
- Pengajian menggunapakai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ditambah dengan sistem pengajian turathi (Bahasa Arab & ilmu hadis) selain hafazan Al-Quran, hadis-hadis pilihan serta matan-matan asas ilmu Islam.
- Aktiviti tahun 2018:
  - Daurah Usul al-Fiqh
  - Seorang pelajar MSN telah berjaya mewakili Malaysia ke 19th Moscow International Quran Reciting Competition di Rusia pada 16-23 Oktober 2018.






**Statistik Pencapaian Pelajar PMA dalam Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2016-2018**

| Tahun | 8A | 7A | 6A | 0A-5A |
|---|---|---|---|---|
| 2016 | 1 | 2 | 0 | 34 |
| 2017 | 3 | 21 | 10 | 64 |
| 2018 | 2 | 22 | 13 | 23 |

**Statistik Pencapaian Pelajar PMA dalam STAM Tahun 2017-2018**



# PENDIDIKAN VOKASIONAL: INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

MAIWP turut mempunyai sebuah institusi yang memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dikenali sebagai Institut Kemahiran Baitulmal (IKB).

Program kemahiran yang ditawarkan mendapat pentauliahan daripada agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pada tahun 2018, terdapat seramai 197 pelajar di IKB.

IKB turut bekerjasama dengan Bahagian Baitulmal memberi latihan kemahiran dalam bidang jahitan dan masakan kepada penerima bantuan zakat ke arah melahirkan penerima bantuan yang mampu berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan.

**Buat pertama kalinya pada tahun ini, IKB menerima dua orang pelajar luar negara iaitu dari Negara Brunei Darussalam yang mengikut Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan dan Kursus Teknologi Binaan Bangunan.**

Penempatan pelajar ini adalah susulan keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) ke-41 dan Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) ke-17 Tahun 2016 yang bersetuju agar Malaysia menerusi IKB dapat menyediakan latihan kemahiran kepada anak-anak asnaf dari negara-negara berkenaan.

Pada tahun 2018, seramai 101 orang pelatih IKB telah berjaya menyempurnakan pengajian.



**PECAHAN PELAJAR IKB TAHUN 2018**

| | Bilangan Pelajar | |
|---|---|---|
| | Tahun 1 | Tahun 2 |
| Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Wanita | 20 | 18 |
| Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Lelaki | 14 | 17 |
| Perkhidmatan Penyajian Makanan | 20 | 22 |
| Kejuruteraan Elektrik | 14 | 19 |
| Seni Lukis & Senireka | 13 | 15 |
| Teknologi Binaan Bangunan | 15 | 10 |
| JUMLAH | 96 | 101 |





**Perbandingan Lulusan IKB Mengikut Kursus Dari Tahun 2014 – 2018**

| Tahun | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2014 | 16 | 13 | 27 | 18 | 14 | 11 |
| 2015 | 15 | 15 | 17 | 17 | 15 | 15 |
| 2016 | 16 | 17 | 18 | 16 | 16 | 12 |
| 2017 | 17 | 14 | 22 | 15 | 18 | 8 |
| 2018 | 18 | 17 | 22 | 19 | 15 | 10 |








Pada tahun 2018 juga, IKB buat julung-julung kalinya telah mengadakan Hari Terbuka IKB pada 24 November 2018. Program ini bertujuan mengumpul dan menyatukan kembali lepasan pelajar (alumni) dalam satu hari yang akan mencatatkan sejarah bermakna untuk IKB.

Sempena program tersebut, telah dilancarkan Coffee Table Book IKB yang memuatkan perjalanan kerjaya lepasan-lepasan IKB yang telah berjaya mengubah nasib diri dan keluarga menerusi latihan kemahiran tersusun di IKB MAIWP

# PENGAJIAN WARGA EMAS: DARUL ILMI

Menyedari keperluan pendidikan sepanjang hayat, MAIWP telah memanfaatkan kemampuan yang ada untuk menyediakan pengajian agama secara intensif kepada warga emas. Ia dilaksanakan menerusi institusi yang dinamakan Darul Ilmi di mana menerapkan kaedah pengajian pondok dengan pendekatan moden. Ia ditubuhkan selari dengan hasrat Ir. Haji Mohd Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican yang mewakafkan hartanahnya untuk pusat pengajian warga emas.

Di Darul Ilmi, warga emas akan mengikuti kelas pengajian yang sistematik dengan menekankan kepada pengajian Al-Quran, Fardu Ain dan Fardu Kifayah bersumberkan rujukan daripada kitab-kitab muktabar. Ilmu-ilmu berkaitan Tauhid, Fikah, Tafsir, Hadis, Tasawuf, Akhlak, Al-Quran, Tajwid, Sirah dan Perubatan Islam diajar oleh tenaga pengajar bertauliah sepanjang tempoh 2 tahun.

Pada tahun 2018, terdapat seramai 20 penuntut di Darul Ilmi berusia antara 55-70 tahun.

Darul Ilmi pada tahun 2018 telah menerima Anugerah Khas Organisasi Rumah Kebajikan Islam Peringkat Wilayah Persekutuan sempena sambutan Maulidur Rasul SAW Peringat Wilayah Persekutuan pada 27 November 2018.







# ► KEBAJIKAN

Selain aktiviti pendidikan, MAIWP turut memberi perhatian terhadap beberapa kelompok umat Islam yang kurang bernasib baik menerusi beberapa institusi.

## a) Darul Kifayah





- Memberi perlindungan berkonsepkan asrama kepada anak yatim, anak fakir miskin dan anak-anak golongan saudara baru (muallaf).
- Para pelajar dihantar mengikuti pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kerajaan yang berhampiran.
- Pada tahun 2018, Darul Kifayah menempatkan seramai 320 orang pelajar.

**Statistik Pelajar Darul Kifayah 2014-2018**




## b) Dar Assaadah





- Menyediakan perlindungan sementara, bimbingan agama dan latihan vokasional kepada wanita dan gadis Islam yang terjebak dalam gejala sosial.
- Menempatkan seramai 25 orang pelatih pada tahun 2018.
- Seramai 9 orang pelatih telah berjaya menyambung pengajian dalam bidang kemahiran dan akademik di institusi pengajian tinggi Awam dan Swasta untuk peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
- Sasaran 70% pelatih boleh membaca Iqra' dan Al-Quran dengan baik serta Asas Fardhu Ain berjaya dicapai.

**Statistik Penghuni Dar Assaadah 2014-2018**



# ▶ PENGURUSAN HARTANAH

MAIWP turut bertanggungjawab menguruskan hartanah-hartanah di Wilayah Persekutuan yang mana dimanfaatkan bagi tujuan pembinaan prasarana umat Islam dan pembangunan sosio ekonomi.

**Pecahan Tanah Tahun 2018**




Projek pembinaan/pengubahsuaian yang telah siap pada tahun 2018 adalah Surau As-Sobirin, Jalan Damai Rasa 18, Alam Damai Cheras, Kuala Lumpur

Manakala projek -projek dalam pembinaan adalah:

- Ibu pejabat MAIWP
- Masjid Ibnu Sina, Titiwangsa
- Ubahsuai ruang solat utama Masjid Sultan Mizan
- Pemasangan bumbung dan parapet Masjid Negara



# ▶ SUMBER MANUSIA

Pada tahun 2018, terdapat seramai 1,090 orang pegawai di MAIWP dengan pengambilan seramai 41 orang pegawai baru.

**Pecahan Perjawatan Tahun 2018**

| BIL. | KUMPULAN | BILANGAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | PINJAMAN | TETAP | KONTRAK |
| 1 | Pengurusan Tertinggi (JUSA B & C) | 1 | 1 | - |
| 2 | Pengurusan & Profesional (Gred 41-54) | 2 | 76 | 89 |
| 3 | Sokongan I (Gred 27- 40) | - | 103 | 52 |
| 4 | Sokongan II (Gred 1-26) | - | 198 | 568 |
| | JUMLAH | 3 | 378 | 709 |
| | | | **1,090** | |

**Bilangan Pegawai Dari Tahun 2014-2018**




MAIWP sentiasa memberi perhatian terhadap tahap profesionalisme dan kebajikan pekhidmatnya. Aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2018 bagi memantapkan sumber manusia di MAIWP adalah:

- Mengadakan sebanyak 41 siri kursus dan latihan kepada pegawai MAIWP
- Pelaksanaan kenaikan pangkat 3 orang pegawai yang melibatkan pelbagai jawatan di MAIWP sebagai salah satu peningkatan dalam laluan kerjaya warga MAIWP

## ▶ KREATIVITI DAN INOVASI





Pada tahun 2018, MAIWP terus menempa kejayaan dalam bidang kreativiti dan inovasi menerusi Hari Inovasi dan Kecemerlangan 2018 Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang diadakan pada 8 November 2018.

MAIWP diwakili 2 kumpulan iaitu Kumpulan Ilham dan Kumpulan Sinergi yang masing membawakan projek Sistem Maklumat Agihan Zakat atau ringkas SMAZ versi 2.0 dan Zakat2U On Wheel telah menyertai pertandingan tersebut bagi kategori ICT.

Projek Zakat2U On Wheel yang diketengahkan oleh Pusat Pungutan Zakat MAIWP telah menjadi Naib Johan manakala SMAZ versi 2.0 telah diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga pada hari tersebut. Kejayaan ini merupakan kejayaan pertama MAIWP bagi kategori ICT.

## ▶ TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

Penggunaan ICT di MAIWP dimanfaatkan sepenuhnya bagi memudahkan dan menambahkan kecekapan dalam pelaksanaan tugas. Pembangunan dan penambahbaikan terhadap sistem dan infrastruktur ICT pada tahun 2018 dapat dilihat menerusi:

- Menambah baik permohonan bantuan agihan zakat Baitulmal MAIWP dengan pelaksanaan sistem permohonan atas talian E-Baitulmal. Sistem ini membolehkan permohonan bantuan terutamanya bantuan untuk pengajian tinggi dibuat secara atas talian tanpa perlu mengisi borang permohonan.
- Membangun dan melaksanakan Sistem E-GL bagi memudahkan pengeluaran surat jaminan untuk kakitangan MAIWP yang perlu mendapatkan rawatan pakar di Hospital PUSRAWI. Sistem E-GL boleh dicapai terus oleh Hospital Pusrawi bagi mendapatkan surat jaminan kakitangan MAIWP.
- Mempertingkatkan pengurusan penilaian prestasi kakitangan MAIWP yang berstatus kontrak melalui pembangunan dan pelaksanaan Modul LNPT di Sistem Pengurusan Kakitangan MAIWP (HRMAPS).
- Melengkapkan operasi Sistem Pengurusan Kenderaan dengan pembangunan dan pelaksanaan Modul Penyelenggaraan.
- Meningkatkan infrastruktur dan keselamatan ICT MAIWP dengan membangunkan Pusat Pemulihan Data (DRC) MAIWP di ibu pejabat MAIWP di Bangunan Perkim. Pusat Data MAIWP berada di Pusat Sektor Awam di Putrajaya yang di bawah kawalan MAMPU.
- Menaik taraf talian Internet di semua lokasi pejabat MAIWP dan agensi di bawahnya. Peningkatan talian ini meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan IT terutamanya sistem-sistem aplikasi di MAIWP.
- Menaik taraf laman sesawang empat (4) institusi pendidikan di bawah MAIWP iaitu Institut Kemahiran Baitulmal, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz MAIWP dan Pondok Moden Al-'Abaqirah.

Pada tahun 2018 juga, MAIWP menggunakan kepakaran dalaman telah membangunkan sistem e-Baitulmal bagi memudah dan mempelbagaikan lagi kaedah permohonan bantuan zakat Baitulmal. Sistem ini telah dilancarkan pada 5 April 2018 di Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar Baitulmal MAIWP.



## ▶ INTEGRITI

Penerapan dan kefahaman tentang integriti di MAIWP dilaksanakan menerusi aktiviti berikut:

- Bengkel Sistem Pengurusan Audit Nilai pada 19 & 20 Februari 2018
- Bengkel Sistem Aplikasi HRMAPS pada 26 & 27 Februari 2018 bertujuan memberi penerangan tentang kepentingan pengisytiharan harta dalam sistem aplikasi HRMAPS kepada para pegawai MAIWP yang berstatus kontrak.
- Program *Breakfast Talk* pada 6 Ogos 2018 yang menjadi medium separa formal kepada warga MAIWP gred 41-44 untuk berinteraksi dengan pihak pengurusan atasan dalam menyuarakan pandangan, idea dan permasalahan yang timbul
- Program *Tea Talk* pada 12 November 2018 yang memfokuskan kepada warga pendidik MAIWP untuk bertemu dengan pengurusan tertinggi MAIWP
- Hari Integriti 2018 pada 21 November 2018 bertujuan memupuk kesedaran di kalangan warga MAIWP tentang keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti
- Bengkel Pemantapan Integriti MAIWP 2018 pada 23-25 November 2018 bertujuan merancang strategi yang berkesan bagi memastikan Unit Integriti berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab yang telah digariskan.




## ▶ BANTUAN KERAJAAN

MAIWP menerima geran kerajaan berjumlah RM21 juta bagi tujuan perbelanjaan mengurus yang telah dibelanjakan sepenuhnya.

**RM21juta**
**BANTUAN KERAJAAN**

## ▶ IMEJ KORPORAT

Mulai tahun 2018, selari dengan usaha meningkatkan imej korporat MAIWP, maka logo MAIWP telah ditambahbaik dengan nama MAIWP dijadikan sebahagian daripada logo.

Selari dalam usaha untuk meningkatkan imej dan melahirkan suasana kerja yang kondusif, MAIWP turut proaktif melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Perkhidmatan Awam (EKSA) selari dengan ketetapan oleh Unit Pemodenan dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).






## ▶ PROMOSI DAN PUBLISITI



Pada tahun 2018, MAIWP telah mempelbagaikan lagi medium penyebaran maklumat menerusi Berita MAIWP TV. Menerusinya, program-program MAIWP direkodkan dan dirakamkan dalam bentuk berita yang kemudiannya dimuat naik ke saluran media sosial MAIWP. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 60 berita MAIWP TV telah diterbitkan.

Buat pertama kalinya juga, MAIWP telah menerbitkan filem pendek secara "in house" menggunakan kepakaran dalaman MAIWP sempena Aidilfitri.

Hebahan dan penerangan yang berterusan mengenai aktiviti MAIWP sangat penting dalam memastikan masyarakat mendapat maklumat yang tepat. Publisiti yang meluas dan berterusan dapat membantu menjawab dan membetulkan persepsi salah terhadap perkhidmatan MAIWP khususnya berkaitan aktiviti pengurusan zakat.

Aktiviti promosi dan publisiti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 adalah:

- Paparan sebanyak 95 artikel dan iklan berkaitan MAIWP di media cetak
- Penerbitan Buletin MAIWP sebanyak 12 siri yang diedarkan kepada 321 lokasi
- Menyertai sebanyak 18 siri pameran



# ▶ CAWANGAN LABUAN











MAIWP cawangan Labuan pada tahun 2018 telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Menyantuni 13,937 orang asnaf menerusi skim agihan zakat melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM12.79 juta
- Menguruskan operasi Tadika Islam MAIWP di Labuan sebanyak 4 buah dengan bilangan pelajar seramai 300 orang
- Menguruskan operasi Kompleks Darul Kifayah MAIWP di Labuan dengan bilangan penghuni seramai 47 orang
- Melaksanakan aktiviti turun padang ke rumah penerima bantuan yang melibatkan seramai 902 orang asnaf (penerima Skim Bantuan Kewangan Bulanan).
- Melaksanakan program untuk asnaf seperti:

    » Bengkel Teknik Menjawab Soalan UPSR, PT3 dan SPM untuk anak- anak asnaf
    » Kursus Usahawan Asnaf Baitulmal MAIWP
    » Majlis Iftar Ramadhan 1440H
    » Majlis Semarak Syawal 2018
    » Program Penyerahan Sumbangan Kepada Pesakit & Hospital Labuan
    » Ziarah Ramadhan, Jom Singgah Sahur & Bersungkai Kitani Bersama Asnaf
    » Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar Baitulmal Bagi Tahun 2018

- Beberapa program/ aktiviti turun padang bersama agensi luar seperti Mobile e- Kasih, Jabatan Penyiaran Malaysia- Labuan FM, Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ) dan lain- lain
- Pencapaian :

    » Tempat ke- 3 Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Peringkat MAIWP
    » Johan Pertandingan Perarakan sempena Maulidur Rasul 1440H peringkat Wilayah Persekutuan Labuan
    » Johan Pertandingan Sepanduk sempena Maulidur Rasul 1440H peringkat Wilayah Persekutuan Labuan

# CAWANGAN PUTRAJAYA









MAIWP cawangan Putrajaya pada tahun 2018 telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Menyantuni 1,935 orang asnaf menerusi skim agihan zakat melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM0.95 juta
- Mengadakan sebanyak 104 aktiviti turun padang menziarahi mereka yang dalam kesusahan di sekitar Putrajaya
- Menguruskan operasi Tadika Islam MAIWP di Putrajaya sebanyak 7 buah dengan bilangan pelajar seramai 901 orang
- Mengadakan 'Luncheon Talk' Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP bersama ketua-ketua agensi agama di Jabatan Perdana Menteri, Ketua-ketua Jabatan dan wakil penduduk di Putrajaya pada 26 Januari 2018 bagi memperkenalkan fungsi MAIWP cawangan Putrajaya
- Menganjurkan buat pertama kalinya Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersama asnaf di Putrajaya yang menyaksikan kehadiran 300 orang
- Tadika Islam MAIWP Zon Putrajaya melakar sejarah apabila menjadi Johan Keseluruhan Festival Kebudayaan dan Kesenian Islam MAIWP pada September 2018 dalam penyertaan sulungnya

## SYARIKAT DAN YAYASAN

- HARTASUCI SDN. BHD
- HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.
- INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.
- KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI SDN. BHD.
- MAIWP DAGANG SDN. BHD.
- PUSAT WAKAF MAIWP SDN. BHD.
- MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.
- YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN

MAIWP menubuhkan syarikat dan yayasan bertujuan membantu MAIWP melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan dan meluas.

### HARTASUCI SDN. BHD.
**(PUSAT PUNGUTAN ZAKAT MAIWP)**

Hartasuci Sdn. Bhd. atau lebih dikenali dengan nama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah berjaya mencatatkan peningkatan dalam jumlah kutipan dan pembayar zakat pada tahun 2018.




Kutipan zakat harta pada tahun 2018 telah mencecah RM651.22 juta iaitu peningkatan sebanyak 5.8% berbanding kutipan pada tahun 2017 sebanyak RM615.19 juta. Manakala bilangan pembayar pada tahun 2018 mencapai 180,958 orang pembayar iaitu peningkatan sebanyak 6.8% berbanding pembayar pada tahun 2017 seramai 169,372 orang pembayar.

**Kutipan Zakat**

| | Kutipan | Pembayar |
|---|---|---|
| 2018 | RM651.22 juta | 180,958 orang |
| Peningkatan | 5.8% | 6.8% |
| 2017 | RM615.20 juta | 169,372 orang |

PPZ-MAIWP telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi bagi memastikan kutipan zakat di Wilayah Persekutuan terus meningkat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- **Kempen Skim Thohir (Kempen Skim Potongan Gaji Zakat)**
  Kempen ini telah dijalankan dalam 2 fasa iaitu pada April-Julai 2018 dan Ogos-November 2018. Kempen ini menawarkan hadiah-hadiah eksklusif kepada pembayar bertuah yang membayar zakat melalui potongan gaji dalam tempoh kempen dijalankan.

- **Kempen Jom Buka Akaun Zakat**
  Kempen ini merupakan program di bawah Kempen 'Sahabat Zakat' yang mana member peluang kepada semua masyarakat untuk memulakan pembayaran zakat serendah RM10. Setiap orang yang mendaftar akan mendapat cenderahati istimewa sekiranya mereka mengisi borang buka akaun serta info-info zakat terkini tentang program-program yang dijalankanoleh PPZ-MAIWP sepanjang tahun.






- **Iklan Zakat Di Media Cetak, Elektronik Dan Media Baru**
  Bagi memperhebatkan lagi iklan melalui media baharu, PPZ-MAIWP telah memperhebatkan lagi fungsi Unit Media Baru bagi menjaga dan menguruskan akaun media sosial milik PPZ-MAIWP. Aktiviti ini dilaksanakan sebagai satu kaedah yang digunakan PPZ-MAIWP member kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan berzakat, serta menjawab persoalan-persoalan yang diutarakan oleh masyarakat.

- **Promosi Bayar Zakat Melalui Portal Zakat PPZ-MAIWP**
  Pelbagai kempen dijalankan terutamanya pada bulan Ramadan dan Disember bagi menggalakkan pembayaran zakat menerusi portal www.zakat.com.my

- **Program Kluster Majikan**
  Program ini menumpukan kepada usaha meningkatkan kutipan dan pembayar zakat melalui potongan gaji. Ia dijalankan di pejabat-pejabat majikan yang terpilih samada kerajaan atau swasta. Banyak majikan telah dipilih berdasarkan jumlah kutipan dan pembayar yang tinggi serta majikan yang mempunyai jumlah kakitangan yang ramai. Program ini menawarkan pelbagai cenderahati kepada kakitangan syarikat yang hadir ke program tersebut. Program ini dijalankan selama 8 bulan bermula April hingga November selari dengan tempoh Kempen Skim Thohir.



- **Kempen YEZ (Year End Zakat)**
  Kempen YEZ diteruskan lagi pada tahun ini dalam usaha menggalakkan pembayar membayar zakat pada bulan Disember 2018 dan membayar selewat-lewatnya pada 31 Disember 2018. Terdapat beberapa aktiviti telah dijalankan antaranya:

  i. Cabutan bertuah kepada pembayar di kaunter.
  ii. Cabutan bertuah kepada pembayar melalui portal.
  iii. Perkhidmatan kaunter zakat bergerak di lokasi-lokasi terpilih dan strategik.
  iv. Hari Bersama Pelanggan di kaunter.
  v. Pemberian cenderahati khas kepada pembayar zakat
  vi. Kaunter dibuka 7 hari seminggu.

- Pelbagai aktiviti selain di atas juga telah dilaksanakan antaranya:

  i. Pertandingan Global Zakat Game diteruskan untuk guru-guru di sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
  ii. Program Ziarah Zakat PPZ-MAIWP bersama PPIM di Masjid India dan Pusat Bandar Wangsa Maju
  iii. Mengadakan Ops Rangkaian Sosial Zakat
  iv. Turun Padang Bagi Taksiran Zakat di syarikat-syarikat swasta, kerajaan dan badan berkanun secara berkala.
  v. Mini Karnival Kaunter Zakat Bergerak di PasarTani.
  vi. Kempen Tabung Didik Zakat untuk penyumbang dibawah 18 tahun dengan kerjasama ibubapa.

Pada tahun 2018, PPZ-MAIWP berjaya merangkul hadiah utama apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan di dalam pertandingan Kumpulan Inovatif Kreatif 2018 (KIK) anjuran MAIWP sempena Hari Inovasi MAIWP 2018. PPZ-MAIWP menerusi kumpulan Sinergi membawa tajuk *Zakat2u On Wheel*.

Kemenangan ini telah dibawa ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Pertandingan Hari Inovasi & Kecemerlangan anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2018 dan PPZ-MAIWP telah dinobatkan sebagai Naib Juara Kategori ICT.

Pada tahun 2018 juga, PPZ-MAIWP dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan Muzakarah Zakat Kebangsaan yang telah disertai oleh agensi-agensi kewangan, pakar-pakar kewangan Islam, industri zakat dan seumpamanya.

Muzakarah tersebut adalah bertujuan untuk mengupas isu-isu dan inovasi baru yang berkaitan dengan kutipan dan agihan mengikut syarak dan perundangan, membincangkan cabaran dan harapan yang berkaitan serta mencadangkan kaedah, mekanisme terbaik dalam memperkasakan institusi zakat khususnya di Malaysia.

**Kutipan & Bilangan Pembayar Zakat Keseluruhan 2014-2018**




**Kutipan Mengikut Jenis Zakat 2014-2018**




**HARTASUCI SDN. BHD.**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Sendirian Berhad |
| Ditubuhkan | : 17 November 1989 |
| Modal berbayar | : RM1 juta |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Menguruskan pungutan zakat harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya |

PPZ MAIWP
PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

Wisma PPZ, 68-1-6,
Dataran Shamelin, Jalan 4/91,
Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur

03 9289 5757

www.zakat.com.my

# HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.

Pada tahun 2018, Hospital PUSRAWI menerima 36,493 pesakit bagi orang bagi kes kemalangan dan kecemasan (A&E), 76,491 pesakit luar dan 11,512 bagi pesakit dalam.

**Statistik Pesakit Bagi Kes Kemalangan dan Kecemasan (AE)**




**Statistik Pesakit Bagi Pesakit Luar**




**Statistik Pesakit Bagi Pesakit Dalam**






Fokus utama Hospital PUSRAWI pada tahun 2018 adalah berteraskan kepada peningkatan kualiti perkhidmatan selaras dengan KPI 2018 yang telah ditetapkan iaitu:

- pensijilan akreditasi Malaysian Society for Quality in Healthcare (MSQH) iaitu badan akreditasi kebangsaan;
- pensijilan Hospital Patuh Syariah;
- program STEP dan Mesra Pelanggan dengan penglibatan yang aktif daripada Ketua-Ketua Jabatan dan pakar perubatan;dan
- pembaharuan pengiktirafan Hospital Rakan Bayi

Hospital PUSRAWI sentiasa memberi perhatian yang tinggi terhadap pelanggan-pelanggan yang telah memberikan sokongan walaupun dalam keadaan persaingan yang tinggi. Bagi tujuan itu, pelbagai aktiviti dan program dijalankan bersama pelanggan, iaitu pemberiaan Kad Setia kepada pelanggan / individu yang berkelayakkan dengan keistimewaan pemberian diskaun antara 5% dan 15%.

Beberapa langkah kolaborasi dengan beberapa rakan strategik turut diadakan antaranya kerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) serta MOU dengan beberapa Hospital di Myanmar.

PUSRAWI juga turut menjadi pusat rujukan lawatan daripada beberapa pihak antaranya pelajar perubatan Kenya & Universiti Tekonologi Malaysia dan dari negara Indonesia.

Aktiviti-aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) turut giat diadakan. Program ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan Hospital PUSRAWI secara lebih meluas.

| Perkhidmatan Teras | |
|---|---|
| 24 Jam Kemalangan & Kecemasan | Surgikal Am & Kanak-kanak |
| Klinik Pakar | Pembedahan Plastik |
| Medikal | Otolaringologi |
| Respiratori | Urologi |
| Endokrinologi | Onkologi |
| Gastroentrologi | Oftalmologi |
| Hematologi | Pebidanan & Sakit Puan |
| Kardiologi | Ortopedik |
| Dermatologi | Pediatrik |
| Hemodialisis | Anestesiologi |
| Penjagaan Kritikal | Dewan Bedah |

| Perkhidmatan Sokongan | |
|---|---|
| Farmasi | Sajian |
| Radiologi | Bekalan Peralatan Steril |
| Makmal Patologi | Ambulan |
| Rekod Medikal | Mortuari |
| Fisioterapi | Dakwah & Bimbingan |
| Dietetik | |





Bagi meningkatkan jumlah pesakit serta menarik pesakit Non-Muslim ke PUSRAWI, beberapa strategi telah dibuat iaitu:

1. *Online Appointment* (PUSRAWI4U)
2. Memperkenalkan Perkhidmatan Baru
3. Melantik 10% Doktor Pakar Non-muslim
4. Kerjasama Strategik Dengan Hospital Luar Negara

**HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Sendirian Berhad |
| Ditubuhkan | : 10 Januari 1984 |
| Modal berbayar | : RM30 juta |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Menawarkan kemudahan dan perkhidmatan hospital, perubatan serta pembedahan berlandaskan nilai-nilai Islam |

Lot 149, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

03 2687 5000

www.pusrawi.com.my

# INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.

## (KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR)

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) yang dahulunya dikenali sebagai Institut Profesional Baitulmal mempunyai seramai 2,020 orang pelajar pada tahun 2018.

Pada 15 Oktober 2018, Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan pertukaran nama Institut Profesional Baitulmal kepada Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur beserta dengan penggunaan logo baharu.

KPBKL menawarkan 11 program peringkat diploma serta 2 sijil profesional bertaraf antarabangsa iaitu LCCIIQ dan CAT. Selain tu, KPBKL juga menawarkan Program Pra Perdagangan (UiTM) kepada para pelajar yang berkelayakan minimum.

**Pecahan Pelajar KPBKL Tahun 2018**




Pada tahun 2018, seramai 1,384 orang pelajar KPBKL berjaya menamatkan pengajian. Para pelajar ini diraikan dalam Majlis Konvokesyen ke 12 Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur pada 24 November 2018 di Dewan Wawasan Convention & Exhibition Centre Menara PGRM Cheras Kuala Lumpur.






Pada Majlis Konvokesyen ke 12 yang telah dirasmikan oleh YB Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini, KPBKL meraikan graduan sulung Program Diploma Pengurusan Haji dan Umrah, Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf dan Diploma Pengajian Muamalat yang telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing bagi kemasukan April dan September 2015.

KPBKL juga merupakan satu-satunya institusi yang telah dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) bagi mengendalikan Kursus Umrah Specialized Enhancement Course (USEC) kepada syarikat pelancongan yang mengendalikan umrah. Kursus ini merupakan antara inisiatif kerajaan bagi memantapkan urus tadbir dan tata kelola pengurusan umrah. Kursus ini diwujudkan bagi mengatasi masalah penipuan dalam pengurusan umrah dan telah dijalankan sejak tahun 2016.

**Graduan KPBKL bagi Tahun 2018 Mengikut Program**








**Penganjuran Kursus USEC**

| 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| 160 | 363 | 363 |

Pada tahun 2018 , KPBKL telah memperluaskan aktiviti dengan menubuh dan melaksanakan aktiviti seperti berikut:

a. Akademi Halal
b. Akademi Umrah
c. Akademi Latihan Korporat
d. Menubuhkan Pusat Pembangunan Kepimpinan & Organisasi Islam (i-LOC)
e. Menubuhkan Pusat Wakaf Intelek KPBKL
f. Kursus Eksekutif dan Auditor Halal
g. Kursus Auto Count
h. Kursus 'Smart English' dan 'Magic Maths'

Pada tahun 2018 juga, KPBKL telah berjaya menyusun semula perniagaan dengan menghentikan operasi kampus cawangan Putrajaya yang mana pendekatan ini telah dapat mengurangkan bebanan kewangan syarikat.

Melangkah ke hadapan, KPBKL merancang untuk memperkenalkan program-program baru di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang mempunyai nilai pasaran. Beberapa kursus jangka pendek yang dapat menjana pendapatan syarikat juga sedang diperhalusi untuk dilaksanakan antaranya seperti Kursus Pengurusan Ekuin, Kursus Pembangunan Modal Insan Dan Organisasi dan Kursus 'Barista'.

**INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Sendirian Berhad |
| Ditubuhkan | : 23 April 1992 |
| Modal berbayar | : RM5 juta |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Mengendalikan kursus-kursus profesional yang diluluskan Kementerian Pendidikan |

KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR

Lot 1363, Jalan Perkasa,
Off Jalan Kg. Pandan,
55100 Kuala Lumpur

03 9281 4054

www.kpbkl.edu.my

# KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI SDN. BHD.

**(KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS)**

**a) Pengurusan Kolej**

- Pada 13 April 2018, PICOMS telah dinaiktaraf sebagai Kolej Universiti dan kini dikenali sebagai Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.

- Jumlah pelajar pada tahun 2018 adalah seramai 3,943 orang.

**Pecahan Pelajar PICOMS Mengikut Program Pengajian Tahun 2018**

| BIL | PROGRAM | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Farmasi | 1,188 |
| 2. | Sains Kejururawatan | 568 |
| 3. | Sains Perubatan | 558 |
| 4. | Pembantu Perubatan | 492 |
| 5. | Pengurusan Hotel | 256 |
| 6. | Fisioterapi | 183 |
| 7. | Kesihatan Persekitaran | 44 |
| 8. | Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | 152 |
| 9. | Pengurusan Logistik | 198 |
| 10. | Teknologi Makmal Perubatan | 74 |
| 11. | Pengurusan Sumber Manusia | 180 |
| 12. | Terapi Cara Kerja | 33 |
| 13. | Certificate in Post Basic Renal Nursing | 17 |
| | **JUMLAH** | **3,943** |

- Ambilan pelajar baru adalah 3 kali setahun iaitu pada bulan April, Julai dan Disember. Kemasukan pelajar baru PICOMS pada tahun 2018 adalah seramai 1,319 orang pelajar.

**Statistik Pelajar PICOMS Dari Tahun 2014 – 2018**




- PICOMS masih mengekalkan empat kampus sebagai premis pengajian pelajar-pelajar iaitu di kampus Batu Muda (Induk), Kampus Jalan Ipoh, Kampus Jalan Rahmat dan Kampus Permata.

- Pelajar-pelajar PICOMS didedahkan bukan sahaja pengajian akademik bahkan kokurikulum dan ekstra kokurikulum berkaitan aktiviti kemasyarakatan dan industri berkaitan bidang pengajian mereka samada di dalam mahupun di luar kampus. PICOMS juga menyediakan beberapa kelab akademik, sosial dan keagamaan atau persatuan pelajar bagi memberi pendedahan kepada pelajar realiti kehidupan dan keusahawanan.

- Memperkasakan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan memberi peluang wakil-wakil pelajar berada dalam perbincangan dengan KPE PICOMS dan Pengurusan Tertinggi berkaitan pembangunan hal ehwal pelajar. Wakil-wakil pelajar juga diberi latihan kepimpinan dan menggalakkan mereka menjalin hubungan strategic akrab dengan MPP dari university dan kolej tempatan.

- Pada 22 November 2018, seramai 938 orang pelajar menerima diploma di Majlis Perasmian Konvokesyen dan Pengistiharan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS yang diadakan di Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pengisytiharan ini dibuat dengan kehadiran wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu Dr. Nor Azman, Ketua Timbalan Pengarah Pendidikan Tinggi dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut menyampaikan skrol Diploma kepada graduan dan Anugerah Pelajar Cemerlang adalah YB Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada sidang petang.

**Pecahan Graduan PICOMS Tahun 2018**

| BIL | PROGRAM | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Farmasi | 284 |
| 2. | Sains Kejururawatan | 136 |
| 3. | Sains Perubatan | 150 |
| 4. | Kesihatan Persekitaran | 84 |
| 5. | Fisioterapi | 53 |
| 6. | Terapi Cara Kerja | 19 |
| 7. | Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan | 76 |
| 8. | Certificate in Post Basic Renal Nursing | 38 |
| 9. | Pembantu Perubatan | 25 |
| 10. | Pengurusan Hotel | 40 |
| 11. | Teknologi Makmal Perubatan | 33 |
| | **JUMLAH** | **938** |

- PICOMS sentiasa mencari peluang untuk mengadakan usaha sama strategik dengan universiti tempatan dan luar negara dan terbaru PICOMS telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universitas Ahmad Dahlan, Indonesia berkaitan kemudahan penyambungan pembelajaran pelajar dan pertukaran tenaga pengajar.

- Pada 23 September 2018, satu lawatan rasmi ke Jerman telah diadakan bertujuan untuk menjalinkan kerjasama Malaysia-Jerman bagi menghantar khidmat jururawat terlatih untuk berkhidmat di hospital-hospital di Jerman dan ini sekaligus menjadikan PICOMS sebagai laluan utama program ini di Malaysia.






- Program Jelajah PICOMS adalah antara program pemasaran PICOMS yang mampu memperkenalkan dan memasarkan PICOMS di samping dapat menjalankan program kemasyarakatan dan tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Bagi tahun 2018 ini, program ini telah meneruskan sesi jelajah di Pahang, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis.

**b) Pusat Keusahawanan Pelajar : PICOMS Trade & Service Centre (PTSC)**

- Seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi menekankan tentang keusahawanan, PICOMS telah menyediakan platform yang terbaik sebagai model untuk pelajar-pelajar menimba ilmu keusahawanan selain tempat-tempat perkhidmatan tersebut dijadikan tempat latihan amali pelajar yang diiktiraf.

- Pusat-pusat perkhidmatan ini juga menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan-graduan mengikut bidang masing-masing.

- Melihat kepada kebolehpasaran Pusat-pusat perkhidmatan kesihatan PICOMS, Pengurusan PICOMS telah menggabungkan kesemua pusat-pusat perkhidmatan kesihatan PICOMS di bawah satu Pusat Perkhidmatan dan Penjagaan Kesihatan yang dinamakan "PICOMS Healthcare Centre" di mana pengendalian di bawah satu pengurusan akan menjadi lebih teratur, komersial dan mudah memandangkan PICOMS telah mempunyai pusat perkhidmatan kesihatan yang hampir lengkap dan pusat-pusat perkhidmatan ini mampu berkembang dengan lebih jauh lagi sebagai "one stop centre".

- PICOMS Healthcare Centre ini merangkumi :

    a) Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS (terdapat 3 pusat iaitu di Batu Muda, Jalan Pahang dan di Cheras)

    b) MEDiCARE2U (Pusat Perkhidmatan Kesihatan Bergerak)
        i. Pusat Fisioterapi & Rehabilitasi MAIWP-PICOMS
        ii. Home Nursing Care MAIWP-PICOMS
        iii. Perkhidmatan Ambulans

    c) Farmasi MAIWP-PICOMS




- Pusat Dagangan PICOMS Entrepreneur Trade Centre (PETC) pula bertanggungjawab dalam pemasaran produk

PICOMS merancang untuk mengembang dan memperkasakan program pengajian tinggi di peringkat yang lebih tinggi dari program Diploma bagi menyediakan peluang pendidikan tinggi selaras dengan lonjakan pembelajaran sepanjang hayat.

Selain itu, turut dirancang adalah pengenalan program pengajian pascasiswazah melalui mod penyelidikan, kerja kursus dan mod campuran sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa selain memperkenalkan program-program penyelidikan pelbagai bidang dan membuka peluang kerjasama dengan industri sebagai usaha untuk menghasilkan siswazah berkemahiran tinggi.

PICOMS juga merangka untuk mengadakan "National Conference" bagi memfokuskan penyelidikan khususnya berkaitan golongan asnaf.

**KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI (PICOMS) SDN. BHD.**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Sendirian Berhad |
| Ditubuhkan | : 19 Mei 2003 |
| Modal berbayar | : RM19.58 juta |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Menguruskan dan beroperasi sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta |

PICOMS
PUSRAWI INTERNATIONAL COLLEGE OF MEDICAL SCIENCES
KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI

No.3, Jalan 31/10A,
Kawasan Perindustrian IKS,
Taman Batu Muda, Batu Caves
51200 Kuala Lumpur

03 6192 0600 / 0700

www.picoms.edu.my

# MAIWP DAGANG SDN. BHD.

MAIWP Dagang bertanggungjawab menguruskan Kedai Rakyat MAIWP dan menjalankan pelbagai perkhidmatan pembekalan.

**Hasil Jualan MAIWP Dagang Sdn. Bhd. Tahun 2014-2018**




## Kedai Rakyat MAIWP (KRM)




**KRM Presint 5**
KA-03 (Blok4) Apartment Fasa 5R6,
Jalan Presint 5, 62200 Putrajaya
Tel: 03 8893 5566




**KRM Presint 9**
Aras Bawah, Blok B2
Pangsapuri Kerajaan Fasa 8
Jalan P9C Presint 9
62250 Putrajaya
Tel: 03 8861 8028




**KRM Permaisuri**
Lot 6456 Bandar Sri Permaisuri,
Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03 9226 5086

**MAIWP DAGANG SDN. BHD.**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Sendirian Berhad |
| Ditubuhkan | : 27 September 2011 |
| Modal berbayar | : RM2 juta |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Menjalankan perniagaan Kedai Rakyat MAIWP. |

MAIWP DAGANG

Suite 16-H, Level 16,
Bangunan PERKIM,
No. 150, Jalan Sultan Azlan Shah,
51200 Kuala Lumpur

03 4050 7886

# PUSAT WAKAF MAIWP SDN. BHD.

Pada tahun 2018, PWM telah berjaya mengutip sebanyak RM0.57 juta daripada 3,768 pewakaf berbanding RM0.33 juta pada tahun 2017.

**Perbandingan Saluran Terimaan Wakaf Tunai**

| BIL. | SALURAN TERIMAAN | JUMLAH KUTIPAN (RM) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1. | Tabung Awam | 16,492.00 | 70,862.60 | 43,295.55 |
| 2. | Potongan Gaji | - | 70,216.00 | 80,006.00 |
| 3. | ATM/Deposit/Pindahan | - | 21,513.40 | 16,120.70 |
| 4. | Ejen | - | 143,165.10 | 191,878.35 |
| 5. | Tabung Masjid Wilayah Persekutuan | - | 21,107.85 | 236,117.15 |
| | **JUMLAH** | **16,492.00** | **326,864.95** | **567,417.75** |

Dalam usaha mempromosi aktiviti serta meningkatkan dana kutipan wakaf, PWM telah melaksanakan:

- Kerjasama dengan beberapa agensi menganjurkan Forum "Waqf as an instrument in Mobilizing Muslim Wealth" di Sasana Kijang Bank Negara Malaysia yang mendedahkan tentang kekuatan pembangunan dan pelaburan wakaf dalam memperkasakan ekonomi umat Islam di masa akan datang.
- Program Khazanah Wakaf anjuran Yayasan Wakaf Malaysia dengan kerjasama CIMB Islamic dan Pusat Wakaf MAIWP di Masjid Ar-Rahah, Kerinchi Kuala Lumpur. Menerusi program ini, beberapa barangan asas seperti minyak, beras, gula dan lain-lain lagi. diagihkan kepada golongan yang memerlukan bantuan
- Pembukaan kaunter wakaf tunai di kawasan yang terpilih bagi memudahkan orang ramai untuk menyalurkan sumbangan dan mendapatkan maklumat lanjut tentang projek wakaf.





**PUSAT WAKAF MAIWP SDN. BHD.**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Sendirian Berhad |
| Ditubuhkan | : 22 Ogos 2014 |
| Modal berbayar | : RM500,000.00 |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Pengurusan Harta Wakaf milik MAIWP |

PUSAT WAKAF MAIWP

Aras 7, Bangunan PERKIM
No.150 Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur

03-4047 9444 samb. 688

## MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.

MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. (MHC) mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 2017. Terdapat 3 buah klinik yang diuruskan iaitu:

1. Klinik Jalan Sultan Azlan Shah
2. Klinik Taman Permata
3. Klinik Menara Felda

Sepanjang tahun 2018, seramai 37,155 pesakit telah mendapatkan rawatan di klinik-klinik tersebut dengan jumlah hasil jualan sebanyak RM5.84 juta.

**Jumlah Pesakit Mengikut Klinik Tahun 2018**

| BIL. | CAWANGAN | BIL. PESAKIT |
|---|---|---|
| 1. | Klinik Jalan Sultan Azlan Shah | 18,556 |
| 2. | Klinik Taman Permata | 11,859 |
| 3 | Klinik Menara Felda | 6,740 |
| | **JUMLAH** | **37,155** |

MHC juga telah meningkatkan bilangan panel bagi 3 buah klinik tersebut daripada 153 buah panel kepada 789 buah.

Pada 18 Oktober 2018, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat lawatan pemeriksaan ke atas premis klinik PUSRAWI cawangan Selayang daan telah meluluskannya sebagai cawangan klinik keempat diuruskan oleh MHC.

MHC telah menawarkan peluang pekerjaan kepada 30 orang anak-anak golongan asnaf yang mana merupakan lepasan Diploma Pembantu Perubatan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dan Diploma Pengajian Muamalat Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur.

Selain itu, MHC telah merujuk kes pesakit kepada Hospital PUSRAWI sebanyak 1,143 kes berbanding tahun 2017 sebanyak 838 kes. Secara tidak langsung, MHC telah membantu dan mempromosi peningkatan ekonomi dan jualan Hospital PUSRAWI.





**MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Sendirian Berhad |
| Ditubuhkan | : 20 Oktober 2016 |
| Modal berbayar | : RM100,000.00 |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan klinik serta rawatan perubatan kepada masyarakat |

Klinik PUSRAWI
No. 132-138, Wisma Baitulmal
Jalan Sultan Azlan
51200 Kuala Lumpur

03 4040 0425 (Klinik)
03 4050 0441 (Pejabat)

www.maiwphealthcare.my

## YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN

Sebagai sebuah yayasan yang tidak berorientasikan keuntungan, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali dengan nama Yayasan Taqwa (YT) telah membantu umat Islam di luar Wilayah Persekutuan menerusi tiga teras berikut:

**a) Dakwah**

Mengadakan program-program dakwah dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan badan-badan organisasi bukan kerajaan di seluruh Malaysia iaitu:

- Pengimarahan masjid-masjid di Semporna dan Pulau Mabul dengan kerjasama JAKIM
- Karnival Semarak i-Ummah iaitu satu karnival yang menghimpunkan jabatan/agensi kerajaan dan swasta yang berkonsepkan Islamik, Informatif dan Interaksi bersama masyarakat
- Membiayai Imam Hafiz Solat Tarawih Ramadhan di Masjid Pusat Islam, Universiti Oxford United Kingdom

**b) Pendidikan**

Aktiviti/program yang telah diadakan:

- Menyalurkan bantuan kelengkapan persekolahan kepada 14,000 orang pelajar sekolah rendah yang tidak berkemampuan di seluruh Malaysia
- Melaksanakan program Skuad Cemerlang Akademik kepada 1,200 pelajar di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia sebagai persediaan menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia. Hasilnya 80% daripada jumlah pelajar ini mendapat keputusan yang cemerlang dan berjaya menyambung pelajaran ke universiti
- Bekerjasama dengan Yayasan Salam Malaysia dalam membangunkan Pusat Latihan Teknologi dan Akses dalam komuniti di Temerloh, Pahang bagi mengecilkan jurang digital dalam sebuah komuniti
- Pembelian buku Natural Science From The Worldwide Of The Qur’an : An Introduction (Vol. 1 - 3) sebanyak 78 buah untuk diedarkan kepada sekolah tahfiz sains di seluruh Malaysia.





c) **Kebajikan**

Aktiviti/program yang telah diadakan:

- Membantu 282 orang pesakit kronik di seluruh Malaysia menerusi bantuan kewangan dan alatan perubatan.
- Misi bantuan kemanusiaan kepada mangsa gempa bumi di Palu, Sulawesi Indonesia.
- Sumbangan kewangan kepada Maahad Al-Islah, Teluk Intan bagi memperbaiki asrama puteri akibat kebakaran.
- Program Kembara Khidmat Masyarakat di Perkampungan Ibadah Warga Emas Islam di Raub, Pahang



**Statistik Agihan Sumbangan Yayasan Taqwa 2014-2018**




**YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN**

| | |
|---|---|
| Taraf | : Syarikat Berhad Dengan Jaminan |
| Ditubuhkan | : 20 November 1990 |
| Modal berbayar | : Tiada |
| Ekuiti MAIWP | : 100 % |
| Aktiviti | : Melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosial di seluruh Malaysia |

Tingkat Bawah Lot 1,
Bangunan Tabung Haji,
148 Jalan Sultan Azlan Shah,
51200 Kuala Lumpur

03 4041 4155

www.ytwp.com.my

## KEBERHASILAN

Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh MAIWP telah menunjukkan *outcome* dan impak yang positif kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia amnya.

Aktiviti agihan zakat yang dilaksanakan telah membantu umat Islam yang memerlukan untuk memperbaiki taraf kehidupan. Sebagaimana matlamat zakat untuk mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan, MAIWP juga telah menyediakan bantuan yang berbentuk "High Impact" yang menekankan kepada pembangunan ekonomi asnaf. Bantuan Perniagaan sebagai contoh telah melahirkan usahawan berjaya dari kalangan penerima zakat yang kini telah menjadi pembayar zakat.



Pada tahun 2018, MAIWP telah berjaya melahirkan 10 orang usahawan asnaf yang mampu menjana pendapatan sebanyak RM8,000.00 sehingga RM30,000.00 sebulan.

Selain itu, sebagai tanda galakan dan penghargaan, MAIWP telah menyampaikan Anugerah Tokoh Baitulmal MAIWP kepada penerima bantuan yang kini telah berjaya. Tiga orang daripada mereka merupakan penerima Bantuan Perniagaan yang kini telah memiliki perniagaan yang berjaya manakala dua orang lagi penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang Baitulmal yang kini telah mempunyai kerjaya yang baik.

Pengagihan zakat dalam bentuk pembangunan akademik memastikan anak-anak daripada keluarga fakir dan miskin mendapat peluang pendidikan yang sama dan menjadi faktor untuk mengeluarkan keluarga daripada kemiskinan. Pada tahun 2018, seramai 391 orang anak-anak asnaf telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan besar dan diraikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar Baitulmal MAIWP bagi sesi persekolahan tahun 2017.

Program pembangunan modal insan daripada usia awal sehingga peringkat pengajian tinggi di MAIWP menjadi pemangkin untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan bersahsiah tinggi.

Program pendidikan di Taska Darul Hannan telah berjaya melahirkan kanak-kanak yang cerdik Al-Quran. Sebanyak 90% daripada jumlah keseluruhan kanak-kanak telah berjaya menghafal 10 Surah-Surah Lazim dan 10 Doa Harian.

Program pendidikan Tadika-tadika Islam MAIWP telah melahirkan anak-anak celik al-Quran di mana sebanyak 90% daripada jumlah keseluruhan pelajar telah mampu membaca Iqra. Mereka juga telah berjaya menguasai kemahiran 4M iaitu Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul.

Projek pembinaan dan ubahsuai prasarana umat Islam seperti Masjid Ibnu Sinar Titiwangsa, Masjid Tengku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Negara adalah bagi meningkatkan kemudahan fasiliti sedia ada untuk kemudahan umat Islam di Wilayah Persekutuan yang merupakan inspirasi pihak kerajaan.

**10**
**usahawan Baitulmal menjana**
**RM8,000-RM30,000**
**pendapatan sebulan**

**391**
**anak asnaf mendapat keputusan cemerlang**

**90%**
**pelajar Tadika Islam MAIWP kuasai 4M**

Pembinaan Kompleks Darul Kifayah di Labuan yang mula beroperasi tahun ini memberikan pembelaan kepada anak-anak yatim termasuk anak-anak asnaf bukan sahaja di Labuan bahkan turut memberi manfaat kepada mereka di Sabah dan Sarawak.

Selain itu, beberapa aktiviti seperti Siri jelajah PICOMS anjuran syarikat milik MAIWP telah dapat memberi pendedahan kepada anak-anak asnaf tentang peluang pendidikan yang selama ini terpinggir disebabkan kekangan kewangan.

Kejayaan MAIWP dalam bidang inovasi telah berjaya menaikkan imej agensi pengurusan Islam dan membuktikan agensi Islam berada seiring dengan agensi-agensi yang lain malah terkehadapan dalam membuat pembaharuan dan penambahbaikan dalam perkhidmatan yang ditawarkan.

## CABARAN

Perkembangan dan perubahan semasa menyebabkan MAIWP terpaksa menghadapi cabaran-cabaran baharu. MAIWP dari semasa ke semasa sentiasa mengambil perhatian terhadap cabaran ini yang mana akan dijadikan asas untuk menilai dan menambahbaik aktiviti yang dilaksanakan. Antara cabaran yang dihadapi:

- peningkatan kos sara hidup dan suasana ekonomi negara menyebabkan sebahagian daripada rakyat terbeban dengan kos sara hidup dan akhirnya tergolong dalam kategori asnaf fakir miskin;
- perubahan arus pendidikan yang cepat dan pantas memerlukan MAIWP untuk sentiasa proaktif membuat penyesuaian;
- perkembangan medium penyebaran maklumat yang semakin mudah dan meluas yang memerlukan MAIWP bertindak segera memberi penjelasan kepada berita-berita yang tidak tepat;
- peningkatan jumlah permintaan untuk memasuki institusi di bawah MAIWP yang memerlukan kepada tambahan prasarana; dan
- peningkatan persaingan dalam bidang pendidikan memerlukan MAIWP menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menepati piawaian yang ditetapkan sebagai salah satu faktor bagi menarik pelajar ke institusi pendidikan di bawah MAIWP; dan
- tiada peruntukan rebat bagi zakat perniagaan sepertimana zakat individu yang menyebabkan syarikat korporat memilih untuk menderma berbanding membayar zakat kerana mendapat tolakan cukai atas derma tersebut sebanyak 10% daripada pendapatan agregat.







Surat daripada salah seorang penerima bantuan zakat yang meminta bantuan kepada beliau dihentikan



Bantu perkasa usahawan Mee Masjid

MAIWP mensasarkan lebih ramai penerima bantuan zakat keluar daripada kepompong kemiskinan dan akhirnya menjadi pembayar zakat



## RANCANGAN MASA HADAPAN

MAIWP sentiasa melihat ke hadapan dalam usaha memastikan pelaksanaan program sentiasa relevan dan mengambil kira keperluan semasa.

Program agihan zakat yang menjadi perkhidmatan utama MAIWP akan sentiasa dititikberatkan. MAIWP dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan dan kajian bagi kadar-kadar bantuan zakat yang diberikan serta prosedur dalam permohonan dan pengurusan zakat.

Selari dengan KPI yang ditetapkan kepada MAIWP iaitu mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan pada kadar 2-4% setahun, MAIWP komited untuk melahirkan lebih ramai usahawan asnaf yang berjaya dan terkeluar dari kemiskinan seterusnya menjadi inspirasi kepada asnaf untuk memperbaiki taraf hidup.

Dalam usaha memastikan kutipan zakat di Wilayah Persekutuan terus meningkat, MAIWP menerusi PPZ-MAIWP akan memperhebatkan lagi program–program untuk mendapatkan pembayar baharu antaranya mengadakan program khas untuk syarikat GLC dan GLIC bagi zakat perniagaan, menambah pelantikan ejen-ejen baharu di kalangan universiti dan meningkatkan hebahan tentang pengembalian semula wang zakat untuk diagihkan sendiri oleh pembayar zakat (Wakalah).

Institusi pendidikan di bawah MAIWP juga khususnya di peringkat pengajian tinggi akan menjalin lebih banyak kerjasama dengan universiti antarabangsa untuk penawaran program latihan dan pendidikan transnasional bagi menzahirkan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global.

Aktiviti promosi dan publisiti samada di MAIWP atau di syarikat milik MAIWP juga akan dipertingkatkan dengan meneroka medium-medium baharu yang dapat memberi impak yang lebih besar.

## PENUTUP

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dirakamkan khususnya kepada YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas kepercayaan, sokongan dan dorongan yang diberikan dalam memastikan MAIWP sentiasa dapat melaksanakan yang terbaik dalam aktiviti yang diadakan.

Tidak lupa juga kepada Timbalan Menteri di JPM, YB Puan Hajah Fuziah Salleh yang memberi perhatian terhadap operasi MAIWP dan sentiasa memberikan idea dan tunjuk ajar dalam menambahbaik perkhidmatan MAIWP.

Sumbangan Ahli-ahli MAIWP juga tidak dapat dinafikan dalam menentukan dasar dan halatuju untuk dijadikan panduan oleh pengurusan MAIWP. Tahniah diucapkan kepada semua warga MAIWP yang telah menunjukkan kesungguhan dan komitmen tidak berbelah bahagi sepanjang tahun 2018.

Semoga kejayaan dan pencapaian yang telah kita perolehi akan diteruskan di masa-masa akan datang dalam merealisasikan agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH**
Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP



# BARISAN **PENGURUSAN**




## PENGURUSAN TERTINGGI

1. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
   YBhg. Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh
2. **TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI)**
   Mohd Nizam bin Yahya
3. **TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)**
   Zahed bin Saidin




## PENGURUS

4. **BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PELABURAN**
   Ir. Abd. Karim bin Mohamed @ Ismail
5. **BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
   Zarina binti Hamzah
6. **PENGURUS BAITULMAL**
   Ahmad Talmizi bin Yahya
7. **BAHAGIAN KEWANGAN**
   Noor Fadzilah binti Shafie
8. **BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
   Wan Azira binti Wan Salleh
9. **UNIT AUDIT DALAM**
   Aniza binti Abdullah
10. **BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN**
    Mohd Rodzi bin Osman
    *(Menjalankan tugas sebagai Pengurus)*
11. **UNIT UNDANG-UNDANG**
    Izalina binti Hj. Abdullah
12. **MAIWP CAWANGAN LABUAN**
    Ahmad Saifuddin bin Hj Md Tahir
13. **MAIWP PUTRAJAYA**
    Wan Maizatun binti Wan Hassan



# PENYATA KEWANGAN

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 9 hingga 55.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta 505 - Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta 505 - Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

1/2

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

1/3

Saya telah berkomunikasi dengan Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta 505 - Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**DATO' HAJI CHE ISA BIN CHE KOB**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
**24 Julai 2019**

1/4

## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG
AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Kami **DATO' SRI SYED HUSSIEN BIN ABD KADIR** dan **DATUK HAJI ANWARI BIN SURI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya adalah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dan Kumpulan pada **31 Disember 2018** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Ahli Majlis,

……………………………………..….

**DATO' SRI SYED HUSSIEN BIN ABD KADIR**

Gelaran : Pengerusi

Tarikh :

Lot 150, Bangunan PERKIM

Jalan Sultan Azlan Shah

51200 Kuala Lumpur

Bagi Pihak Ahli Majlis,

……………………………………..….

**DATUK HAJI ANWARI BIN SURI**

Gelaran : Ahli Majlis

Tarikh :

Lot 150, Bangunan PERKIM

Jalan Sultan Azlan Shah

51200 Kuala Lumpur

## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Saya **HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas ) ……………………………………………..
di Kuala Lumpur ) **(HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL)**
pada ) **Setiausaha Majlis**
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 589
SAMSIAH BT ALI
1.7.2018 - 31.12.2020
MALAYSIA

SAMSIAH BINTI ALI (No. W 589)
PESURUHJAYA SUMPAH
NO. 1472B, TKT BAWAH,
BGN. UMNO SELANGOR
JALAN IPOH, 51200
KUALA LUMPUR W.P.

## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

| | Nota | KUMPULAN 2018 RM | KUMPULAN 2017 RM Dinyatakan semula | MAIWP 2018 RM | MAIWP 2017 RM Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 5 | 924,960,823 | 909,404,685 | 895,186,726 | 876,512,287 |
| Pelaburan hartanah pada nilai saksama | 6(a) | 653,043,477 | 618,474,553 | 629,978,000 | 605,888,063 |
| Pelaburan hartanah pada nilai kos | 6(b) | 100 | 100 | 100 | 100 |
| Harta dalam kemajuan | 7 | 100,307,444 | 65,253,585 | 99,286,906 | 65,022,285 |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari | 8 | - | - | 60,962,250 | 61,462,249 |
| Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang | 9 | 22,107,946 | 932,754 | 865,521 | 932,754 |
| Pelaburan dalam saham | 10 | 6,478,109 | 9,387,330 | 6,478,108 | 9,387,324 |
| Lain-lain pelaburan | 11 | 35,000,000 | 35,000,000 | 35,000,000 | 35,000,000 |
| Aset tidak ketara | 12 | 517,684 | 793,469 | 215,191 | 443,469 |
| Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari | 13 | - | - | 2,116,646 | 2,627,912 |
| | | 1,742,415,583 | 1,639,246,476 | 1,730,089,448 | 1,657,276,443 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Inventori | 14 | 4,489,937 | 4,750,770 | 889,370 | 1,279,348 |
| Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari | 13 | - | - | 75,240,742 | 76,482,702 |
| Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang | 9 | 141,331,860 | 152,037,695 | 88,817,364 | 85,098,169 |
| Cukai akan diterima semula | | 10,428 | 10,428 | - | - |
| Deposit dengan bank berlesen | 15 | 361,691,212 | 356,275,770 | 294,195,716 | 285,099,708 |
| Baki tunai di tangan dan di bank | 16 | 351,280,600 | 217,152,216 | 235,044,228 | 109,405,626 |
| | | 858,804,037 | 730,226,879 | 694,187,420 | 557,365,553 |
| **JUMLAH ASET** | | 2,601,219,620 | 2,369,473,355 | 2,424,276,868 | 2,214,641,996 |
| **EKUITI:** | | | | | |
| Pendapatan tersimpan | 17 | 2,448,022,215 | 2,261,114,000 | 2,338,113,003 | 2,167,252,218 |
| Rizab tabung pinjaman | 18 | 5,000,000 | 5,000,000 | 5,000,000 | 5,000,000 |
| Rizab modal | | 2,046,258 | 2,046,258 | - | - |
| Rizab penilaian aset | | - | 2,110,000 | - | - |
| Rizab tukaran mata wang | 19 | (705,595) | (688,544) | (705,595) | (688,544) |
| Modal wakaf | | 30,733,414 | - | 30,733,414 | - |
| Ekuiti diagihkan kepada pemilik | | 2,485,096,292 | 2,269,581,714 | 2,373,140,822 | 2,171,563,674 |
| **JUMLAH EKUITI** | | 2,485,096,292 | 2,269,581,714 | 2,373,140,822 | 2,171,563,674 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Manfaat pekerja | 20 | 21,546,725 | 19,157,109 | 2,924,104 | 2,507,608 |
| Sewa beli | 21 | 1,460,516 | 1,865,220 | - | - |
| Cukai tertunda | 22 | 994,213 | 1,215,606 | - | - |
| Peruntukan | 23 | 4,435,219 | - | 4,435,219 | - |
| | | 28,436,673 | 22,237,935 | 7,359,323 | 2,507,608 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari | 24 | - | - | 9,533,023 | 9,561,619 |
| Manfaat pekerja | 20 | 1,182,223 | 813,381 | 1,182,223 | 813,382 |
| Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang | 25 | 68,483,482 | 65,067,588 | 15,971,413 | 19,549,273 |
| Wang khas dan istibdal | 26 | 13,570,814 | 10,646,440 | 13,570,814 | 10,646,440 |
| Sewa beli | 21 | 4,206,574 | 638,362 | 3,519,250 | - |
| Peruntukan cukai | | 243,562 | 487,935 | - | - |
| | | 87,686,655 | 77,653,706 | 43,776,723 | 40,570,714 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 116,123,328 | 99,891,641 | 51,136,046 | 43,078,322 |
| **JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI** | | 2,601,219,620 | 2,369,473,355 | 2,424,276,868 | 2,214,641,996 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | KUMPULAN 2018 RM | KUMPULAN 2017 RM Dinyatakan semula | MAIWP 2018 RM | MAIWP 2017 RM Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|---|---|
| HASIL | 27 | 872,711,022 | 826,320,410 | 694,308,341 | 656,177,961 |
| PERBELANJAAN | 28 | (457,743,517) | (480,159,828) | (436,602,182) | (466,475,820) |
| LEBIHAN KASAR | | 414,967,505 | 346,160,582 | 257,706,159 | 189,702,141 |
| LAIN-LAIN PENDAPATAN | 29 | 47,623,758 | 91,135,122 | 33,730,565 | 86,510,110 |
| LAIN-LAIN PERBELANJAAN | 30 | (273,476,786) | (273,430,214) | (120,442,501) | (110,707,200) |
| LEBIHAN DARIPADA OPERASI | | 189,114,477 | 163,865,490 | 170,994,223 | 165,505,051 |
| KOS KEWANGAN | 31 | (280,965) | (342,654) | (133,438) | (102,190) |
| LEBIHAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT | | 188,833,512 | 163,522,836 | 170,860,785 | 165,402,861 |
| CUKAI | 32 | (1,925,297) | (792,458) | - | - |
| LEBIHAN TAHUN SEMASA | 33 | 186,908,215 | 162,730,378 | 170,860,785 | 165,402,861 |
| LEBIHAN KOMPREHENSIF LAIN: | | | | | |
| *Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kurangan* | | | | | |
| Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing | | (17,051) | (109,884) | (17,051) | (109,884) |
| JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA | | 186,891,164 | 162,620,494 | 170,843,734 | 165,292,977 |
| LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA: | | | | | |
| Pemilik | | 186,908,215 | 162,730,378 | 170,860,785 | 165,402,861 |
| | | 186,908,215 | 162,730,378 | 170,860,785 | 165,402,861 |
| JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA: | | | | | |
| Pemilik | | 186,891,164 | 162,620,494 | 170,843,734 | 165,292,977 |
| | | 186,891,164 | 162,620,494 | 170,843,734 | 165,292,977 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan in

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**KUMPULAN**

| | | ← *Diagihkan Kepada Pemilik* | | | | | → | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Nota** | **Pendapatan Tersimpan *(Nota 17)* RM** | **Rizab Tabung Pinjaman RM** | **Rizab Penilaian RM** | **Rizab Modal RM** | **Rizab Tukaran Mata Wang RM** | **Modal Wakaf RM** | **Jumlah RM** | **Jumlah Ekuiti RM** |
| Baki pada 1 Januari 2017 | | 2,032,196,870 | 5,000,000 | 2,110,000 | 2,046,258 | (578,660) | - | 2,040,774,468 | 2,040,774,468 |
| Pelarasan tahun terdahulu | 34 | 66,186,752 | - | - | - | - | - | 66,186,752 | 66,186,752 |
| Baki pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan semula) | | 2,098,383,622 | 5,000,000 | 2,110,000 | 2,046,258 | (578,660) | - | 2,106,961,220 | 2,106,961,220 |
| Lebihan tahun semasa | | 162,730,378 | - | - | - | - | - | 162,730,378 | 162,730,378 |
| Lebihan/(kurangan) komprehensif lain | | - | - | - | - | (109,884) | - | (109,884) | (109,884) |
| Jumlah lebihan/(kurangan) komprehensif tahun semasa | | 162,730,378 | - | - | - | (109,884) | - | 162,620,494 | 162,620,494 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | | 2,261,114,000 | 5,000,000 | 2,110,000 | 2,046,258 | (688,544) | - | 2,269,581,714 | 2,269,581,714 |
| Pelarasan tahun terdahulu | 34 | | | - | - | - | | - | - |
| Baki pada 1 Januari 2018 selepas pelarasan | | 2,261,114,000 | 5,000,000 | 2,110,000 | 2,046,258 | (688,544) | - | 2,269,581,714 | 2,269,581,714 |
| Tambahan | | | | | | | 30,733,414 | 30,733,414 | 30,733,414 |
| Lebihan tahun semasa | | 186,908,215 | - | - | - | - | - | 186,908,215 | 186,908,215 |
| Lebihan komprehensif lain | | - | - | (2,110,000) | - | (17,051) | - | (2,127,051) | (2,127,051) |
| Jumlah lebihan komprehensif tahun semasa | | 186,908,215 | - | (2,110,000) | - | (17,051) | 30,733,414 | 215,514,578 | 215,514,578 |
| Baki pada 31 Disember 2018 | | 2,448,022,215 | 5,000,000 | - | 2,046,258 | (705,595) | 30,733,414 | 2,485,096,292 | 2,485,096,292 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**MAIWP**

| | Nota | *Diagihkan Kepada Pemilik* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **Pendapatan Tersimpan *(Nota 17)* RM** | **Rizab Tabung Pinjaman RM** | **Rizab Tukaran Mata Wang RM** | **Modal Wakaf RM** | **Jumlah Ekuiti RM** |
| Baki pada 1 Januari 2017 | | 1,937,086,153 | 5,000,000 | (578,660) | - | 1,941,507,493 |
| Pelarasan tahun terdahulu | 34 | 64,763,204 | - | - | - | 64,763,204 |
| Baki pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan semula) | | 2,001,849,357 | 5,000,000 | (578,660) | - | 2,006,270,697 |
| Lebihan tahun semasa | | 165,402,861 | - | - | - | 165,402,861 |
| Lebihan/(kurangan) komprehensif lain | | - | - | (109,884) | - | (109,884) |
| Jumlah lebihan/(kurangan) komprehensif tahun semasa | | 165,402,861 | - | (109,884) | - | 165,292,977 |
| Baki pada 31 Disember 2017 | | 2,167,252,218 | 5,000,000 | (688,544) | - | 2,171,563,674 |
| Pelarasan tahun terdahulu | 34 | - | - | - | - | - |
| Baki pada 1 Januari 2018 selepas pelarasan | | 2,167,252,218 | 5,000,000 | (688,544) | - | 2,171,563,674 |
| Lebihan tahun semasa | | 170,860,785 | - | - | - | 170,860,785 |
| Tambahan | | - | - | - | 30,733,414 | 30,733,414 |
| Lebihan komprehensif lain | | - | - | (17,051) | - | (17,051) |
| Jumlah lebihan komprehensif tahun semasa | | 170,860,785 | - | (17,051) | 30,733,414 | 201,577,148 |
| Baki pada 31 Disember 2018 | | 2,338,113,003 | 5,000,000 | (705,595) | 30,733,414 | 2,373,140,822 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | KUMPULAN | | MAIWP | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | | RM | RM<br>Dinyatakan semula | RM | RM<br>Dinyatakan semula |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | | | | |
| Lebihan sebelum cukai | | 188,833,512 | 163,522,836 | 170,860,785 | 165,402,861 |
| Pelarasan untuk : | | | | | |
| Belanja susutnilai | | 17,695,411 | 21,814,603 | 12,608,103 | 16,447,049 |
| Kerugian pertukaran mata wang | | (17,051) | (109,884) | (17,051) | (109,884) |
| Kerugian jualan aset | | 2,083 | 1,161 | - | 1,161 |
| Hapuskira hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara | | 705,184 | 171,923 | 705,184 | 134,173 |
| Keuntungan nilai saksama hartanah pelaburan | | (9,789,121) | (21,304,284) | (1,500,611) | (21,304,284) |
| Hapuskira inventori | | 15,012 | | - | - |
| Harta dalam kemajuan dihapuskira | | - | 1,287,029 | - | 1,287,029 |
| Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan | | (95,489) | (22,497,919) | (5,999) | (21,582,108) |
| Rosotnilai saham subsidiari | | - | - | 499,999 | 340,751 |
| Rosotnilai pelaburan saham | | 5 | - | - | - |
| Peruntukan tuntutan undang-undang | | 4,435,219 | - | 4,435,219 | - |
| Pelarasan pelaburan hartanah | | 41,950 | - | 41,950 | - |
| Pelasaran baki awal aset tak ketara | | (12,202) | - | - | - |
| Pelarasan manfaat pekerja | | (236,870) | - | (236,870) | - |
| Pelarasan hartanah, loji dan peralatan | | (156,271) | 338,997 | (168,472) | 339,002 |
| Pelunasan aset tak ketara | | 303,421 | 294,505 | 228,277 | 224,505 |
| Perubahan nilai saksama pelaburan saham | | 2,909,216 | (391,118) | 2,909,216 | (391,118) |
| Pendapatan dari simpanan dan pelaburan | | (17,272,766) | (12,738,272) | (16,872,241) | (17,643,443) |
| Keuntungan pinjaman | | (94,524) | (64,925) | 21,220 | 72,951 |
| Peruntukan manfaat kakitangan | | 3,953,533 | 3,102,897 | 1,697,697 | 996,629 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA | | 191,220,252 | 133,427,549 | 175,206,406 | 124,215,274 |
| *Perubahan modal kerja:* | | | | | |
| Pengurangan / (pertambahan) inventori | | 245,821 | 517,274 | 389,978 | 368,860 |
| Pengurangan /(pertambahan) penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang | | (10,469,357) | (11,314,524) | (3,651,962) | 1,544,768 |
| Pertambahan/(pengurangan) wang khas dan istibdal | | 2,924,374 | (11,162,670) | 2,924,374 | (11,162,670) |
| Pengurangan/(pertambahan) terhutang oleh syarikat subsidiari | | - | - | 1,753,226 | (29,345,905) |
| Pertambahan/(pengurangan) terhutang kepada syarikat subsidiari | | - | - | (28,596) | 535,755 |
| Pertambahan/(pengurangan) pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang | | 3,415,894 | 5,094,142 | (3,577,860) | 1,372,149 |
| Tunai dari aktiviti operasi | | 187,336,984 | 116,561,771 | 173,015,566 | 87,528,231 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | KUMPULAN 2018 RM | KUMPULAN 2017 RM Dinyatakan semula | MAIWP 2018 RM | MAIWP 2017 RM Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendapatan dari simpanan dan pelaburan | | 17,272,766 | 12,738,272 | 16,872,241 | 17,643,443 |
| Keuntungan dari pinjaman | | 94,524 | 64,925 | (21,220) | (72,951) |
| Pembayaran manfaat pekerja | | (958,205) | (1,695,547) | (675,490) | (613,460) |
| Cukai dibayar | | (2,391,063) | (3,125,545) | - | - |
| ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | 201,355,006 | 124,543,876 | 189,191,097 | 104,485,263 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | | (6,752,239) | (22,904,456) | (2,552,821) | (16,940,229) |
| Penjualan hartanah, loji dan peralatan | | 121,140 | 1,205,610 | 6,000 | 70 |
| Pembelian pelaburan hartanah | | (16,650,295) | (10,415,930) | (14,540,295) | (10,415,930) |
| Pembelian sijil pelaburan saham / lain - lain pelaburan | | - | (5,000,000) | - | (5,000,000) |
| Penambahan aset tak ketara | | (15,435) | (76,600) | - | (76,600) |
| Peningkatan dalam harta dalam kemajuan | | (41,677,859) | (47,295,920) | (40,888,621) | (47,295,920) |
| Perolehan dari pelupusan pelaburan | | - | 71,577 | - | - |
| ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | (64,974,688) | (84,415,719) | (57,975,737) | (79,728,609) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | | | | | |
| Hasil daripada pinjaman | | 3,819,250 | - | 3,519,250 | - |
| Pembayaran kepada pinjaman | | (655,742) | (531,359) | - | - |
| ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | 3,163,508 | (531,359) | 3,519,250 | - |
| LEBIHAN /(KURANGAN) DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH | | 139,543,826 | 39,596,798 | 134,734,610 | 24,756,654 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | | 573,427,986 | 533,831,188 | 394,505,334 | 369,748,680 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | | 712,971,812 | 573,427,986 | 529,239,944 | 394,505,334 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA: | | | | | |
| Deposit dengan bank berlesen | 15 | 361,691,212 | 356,275,770 | 294,195,716 | 285,099,708 |
| Baki tunai di tangan dan di bank | 16 | 351,280,600 | 217,152,216 | 235,044,228 | 109,405,626 |
| | | 712,971,812 | 573,427,986 | 529,239,944 | 394,505,334 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan berdasarkan peruntukan di dalam Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 4(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, (Akta 505) dan Sekyen 3, Akta 505.

Ibu Pejabat MAIWP terletak di Tingkat 10, Bangunan PERKIM, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur. Sehingga 31 Disember 2018, MAIWP beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang mana merupakan matawang fungsian MAIWP, dan matawang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ini telah diterima dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis pada 26 Mac 2019.

## 2. AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama MAIWP adalah untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan melaksanakan pembangunan ekonomi dan sosial serta kebajikan komuniti orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan mengikut Perundangan Islam.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari di dalam Kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 8 kepada penyata kewangan ini.

## 3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

### a. Pematuhan Kepada Piawaian Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

### b. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Kumpulan dan MAIWP telah disediakan menggunakan asas kos dan nilai saksama kecuali perkara yang dinyatakan di dalam Nota 3(n)(i) & (n)(iii) kepada Penyata Kewangan bagi memenuhi prinsip-prinsip syariah.

### c. Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan MAIWP dan kesemua syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus daripada semua aktivitinya. Penyatuan syarikat-syarikat subsidiari dibuat pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada Kumpulan sehingga tarikh kawalan ke atas syarikat-syarikat subsidiari ini dilupuskan.

Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan adalah hasil penyatuan akaun Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan dengan akaun syarikat-syarikat subsidiarinya iaitu Hospital Pusrawi Sdn. Bhd., Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd., Harta Suci Sdn. Bhd., Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd., MAIWP Dagang Sdn. Bhd., Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. dan MAIWP Healthcare Sdn. Bhd.

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari direkodkan pada kos lalu ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Apabila perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari untuk memastikan syarikat-syarikat subsidiari menerima pakai dasar perakaunan secara konsisten seperti yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara perolehan bersih pelupusan dan bahagian aset bersih bagi Kumpulan serta sebarang jumlah muhibah yang belum dilunaskan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan.

## 3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### d. Hartanah, Loji Dan Peralatan Serta Susut nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan tetap dikira bagi tujuan pelupusan kos hartanah, loji dan peralatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan usia penggunaan hartanah, loji dan peralatan. Pengiktirafan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah berdasarkan MPERS dan Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan yang dikeluarkan oleh MAIWP.

Tanah milik bebas tidak disusut nilaikan.

Kadar tahunan susut nilai untuk hartanah, loji dan peralatan tetap adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Jentera | 10% |
| Peralatan Asrama | 5% |
| Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan, Peralatan Sukan, Penyiaran dan Perhubungan, Alat Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan | 5-20% |
| Buku Perpustakaan | 10% |
| Alat Bantu Mengajar | 10% |
| Peralatan Perubatan | 10% |
| Mesin Pejabat | 10% |
| Ubahsuai | 10-33.33% |
| Komputer | 10-20% |
| Kenderaan | 20% |
| Makmal | 20% |
| Papan Tanda | 10-20% |
| Tanah Pajakan | Mengikut tempoh pajakan |

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, usia guna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahun lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan usia guna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Hartanah wakaf am diiktiraf sebagai aset MAIWP apabila dimiliki oleh MAIWP.

### e. Harta Dalam Kemajuan

Harta Dalam Kemajuan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan setelah MAIWP menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan.

Susut nilai bagi Harta Dalam Kemajuan ini akan dikenakan bila hartanah, loji dan peralatan tersebut sedia untuk digunakan.

### f. Rosot nilai Aset

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, MAIWP menyemak amaun dibawa aset untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Di mana wujud tanda sedemikian, rosot nilai akan dikira dengan membandingkan nilai-nilai dibawa aset-aset bersama amaun yang boleh diperolehi semula. Amaun yang boleh diperolehi semula ditentukan berdasarkan kepada harga lebih tinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai digunakan, yang dikira berasaskan kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan.

Jika amaun yang boleh diperolehi semula lebih rendah daripada nilai-nilai dibawa aset, maka kerugian rosot nilai diiktiraf ke dalam lebihan atau kurangan. Keterbalikan kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tahun-tahun lepas direkodkan apabila kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset tidak lagi wujud atau telah merosot.

### g. Aset Tidak Ketara

Aset Tidak Ketara yang dibeli atau dibangunkan oleh pihak luar yang dilantik diiktiraf jika item tersebut dikenal pasti dan ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dijangka mengalir kepada MAIWP dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti.

Aset tidak ketara yang terdiri daripada lesen dengan hayat berguna selama 5 hingga 10 tahun dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul, jika ada.

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### g. Aset Tidak Ketara (SAMB.)

Hayat berguna aset tidak ketara ini dikaji semula pada setiap tempoh untuk menentukan sama ada peristiwa dan keadaan terus memberi sokongan kepada penilaian hayat berguna tidak terhad untuk aset-aset ini.

### h. Inventori

Inventori adalah diukurkan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu.

Pada setiap tarikh pelaporan, inventori dinilai untuk rosot nilai. Jika sesuatu item inventori dirosot nilai, amaun bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan; kerugian rosot nilai diiktiraf dengan serta merta dalam lebihan atau kurangan. Pada setiap tarikh pelaporan kemudian, Kumpulan dan MAIWP membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosot nilai dibalikkan setakat di mana amaun bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk siapan dan jualan.

### i. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai dalam tangan dan di bank, simpanan tetap dengan bank berlesen termasuk yang tidak melebihi tempoh matang 1 tahun, pelaburan-pelaburan mudahniaga dan overdraf.

### j. Belian Hartanah, Loji Dan Peralatan Melalui Al-Bai Bithaman Ajil

Hartanah, loji dan peralatan dibeli melalui kemudahan pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil telah dinyatakan dengan harga belian asal. Melalui kemudahan pembiayaan ini, institusi kewangan akan membeli aset tersebut dan menjualnya kembali pada harga yang termasuk tambahan keuntungan oleh institusi kewangan tersebut dan dibayar melalui ansuran tertunda. Tambahan keuntungan di dalam ansuran tertunda dihapuskan ke dalam lebihan atau kurangan sepanjang tempoh pembayaran balik.

### k. Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas lebihan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan lebihan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan lebihan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan lebihan perakaunan mahupun lebihan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara Kumpulan dan MAIWP menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

### l. Manfaat Pekerja

i. Jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

**l. Manfaat Pekerja (SAMB.)**

ii. Pelan caruman wajib

Pelan caruman wajib adalah pelan persaraan yang mana Kumpulan menyumbang secara tetap ke dalam entiti berasingan dan Kumpulan tiada kewajipan dari segi undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk menyumbang lagi sekiranya tabung tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan semasa dan sebelumnya. Sumbangan Kumpulan kepada pelan caruman wajib, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu pelan sumbangan yang ditubuhkan oleh Kerajaan, adalah diambilkira di dalam lebihan atau kurangan pada tempoh berkenaan. Apabila sumbangan telah dibayar Kumpulan tidak mempunyai sebarang tanggungan lagi.

iii. Gantian Cuti Rehat

Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah pemberian wang tunai yang diberikan kepada kakitangan MAIWP yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan. Pengiraan GCR bagi kakitangan tetap MAIWP dikira bagi tempoh 4 tahun manakala bagi kakitangan kontrak pula ia dikira bagi tempoh 2 tahun.

iv. Pelan manfaat persaraan

Kumpulan mengendalikan Pelan Manfaat Persaraan (‘Pelan’) kepada pekerja yang layak. Caruman kepada Pelan dibuat setiap suku tahun dan dicaj kepada lebihan atau kurangan bagi menyebarkan kos Pelan ke atas jangka hayat kerja pekerja dalam Kumpulan.

Obligasi Kumpulan di bawah Pelan adalah ditentukan berdasarkan penilaian aktuari setiap tiga tahun di mana jumlah manfaat yang diperolehi pekerja sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelumnya adalah dianggarkan. Nilai semasa obligasi Pelan dan kos perkhidmatan semasa dan sebarang kos perkhidmatan lalu yang berkaitan adalah ditentukan menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit.

Keuntungan atau kerugian aktuari adalah diiktiraf sebagai lebihan atau kurangan pada tempoh ianya berlaku.

Pelan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah amaun bersih nilai semasa Pelan yang diselaraskan untuk kos perkhidmatan lalu yang tidak diiktiraf, ditolak nilai saksama aset Pelan pada tarikh pelaporan. Sebarang aset hasil daripada pengiraan adalah dinyatakan pada yang lebih rendah antara amaun yang ditentukan atau sebarang jumlah kos perkhidmatan lepas terkumpul, dan nilai semasa bagi bayaran balik tersedia dan pengurangan dalam caruman masa depan kepada Pelan tersebut.

Keuntungan atau kerugian daripada pengurangan atau penyelesaian Pelan diiktiraf dalam lebihan dan kurangan dalam tempoh apabila pengurangan atau penyelesaian berlaku.

v. Ganjaran Penamatan Kontrak

Ganjaran penamatan kontrak adalah salah satu ganjaran tamat perkhidmatan yang diberikan kepada pegawai kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan. Pegawai yang meletakkan jawatan atas sebab sekalipun tidak layak dibayar ganjaran kecuali perletakan jawatan kerana mendapat tawaran perlantikan daripada sektor awam. Ganjaran penamatan kontrak diiktiraf sebagai liabiliti apabila tawaran kontrak bermula.

**m. Geran Kerajaan**

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam lebihan atau kurangan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran Kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

**n. Pengiktirafan Hasil**

i. Zakat

Pendapatan zakat adalah hasil daripada kutipan zakat. Upah amil terdiri daripada upah dari kutipan zakat bagi pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ia diambilkira dalam lebihan atau kurangan apabila diterima.

ii. Hasil sewaan

Hasil sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

iii. Pengiktirafan keuntungan simpanan, dividen pelaburan dan hibah

Keuntungan dari simpanan jangka pendek, dividen pelaburan dan hibah diiktiraf berdasarkan penerimaan tunai. Ia diambilkira dalam lebihan atau kurangan apabila diterima.

iv. Pendapatan dividen saham

Dividen diiktiraf apabila hak penerimaannya telah dapat ditentukan.

v. Yuran pengajian

Hasil diiktiraf berdasarkan yuran pendaftaran, yuran pengajian, yuran program dan yuran peperiksaan yang diterima dari pelajar mengikut tempoh kursus yang ditetapkan. Pendapatan yuran diiktiraf sepanjang jangkamasa kursus. Yuran bagi jangkamasa yang meliputi tahun kewangan akan datang dibawa ke hadapan dan dinyatakan sebagai prabayar di bawah liabiliti semasa.

vi. Perkhidmatan hospital

Hasil diiktiraf berdasarkan pelaksanaan perkhidmatan hospital, perubatan dan pembedahan.

vii. Lain-lain hasil

Lain-lain hasil diiktiraf apabila risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan barang telah dipindahkan kepada pembeli.

**o. Pendapatan Wakaf Am Dan Nazr'am**

Mengikut seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505), MAIWP hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr'am dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.

**p. Perletakan Tanah Wakaf**

MAIWP adalah Pemegang Amanah Tunggal bagi semua Wakaf Khas atau Wakaf Am/Nazr'Am mengikut Seksyen 61 Akta 505.

Semua harta yang tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 61 dan terletak di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, hendaklah, tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan jua pun, dan, dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud-maksud amanah, wakaf atau nazr 'am yang menyentuh harta itu. Majlis hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk meletak hak pada Majlis bagi maksud-maksud yang serupa mana-mana harta sedemikian yang terletak di luar Wilayah-Wilayah Persekutuan.

**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

**q. Mata Wang Asing**

i. Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran wang asing yang timbul akibat terjemahan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Aset dan liabiliti bukan kewangan pada nilai mata wang asing yang dinyatakan pada kos jumlah sejarah diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga tersebut.

Bagi pinjaman atau pendahuluan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing, perbezaan pertukaran diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam penyata kewangan berasingan pemilik dan/atau penyata kewangan individu operasi asing. Perbezaan pertukaran ini kemudiannya akan ditukar semula di dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan dan diiktiraf di dalam rizab.

ii. Penyata kewangan operasi asing

Aset dan liabiliti operasi asing, termasuk muhibah dan nilai saksama yang telah diselaraskan dalam penyatuan, diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemah ke Ringgit Malaysia pada kadar purata tukaran untuk sepanjang tahun. Perbezaan operasi asing yang timbul dari terjemahan operasi asing diiktiraf terus ke dalam rizab.

**r. Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan MAIWP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan. Melainkan perjanjian membentuk pada kesan sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.

*Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Lebihan atau Kurangan*

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

*Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan*

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah keuntungan efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan keuntungan ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar keuntungan efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

**r. Aset Kewangan (SAMB.)**

*Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot nilai*

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

*Rosot nilai Aset Kewangan*

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan MAIWP menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai. Bukti objektif termasuk kesukaran kewangan yang ketara oleh siberhutang, pelanggaran kontrak, kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain dan data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa akan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosot nilai, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan MAIWP akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan peruntukan elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan MAIWP memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh pemindahan.

**s. Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan MAIWP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

**s. Liabiliti Kewangan (SAMB.)**

*Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Lebihan atau Kurangan*

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

*Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan*

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah keuntungan efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan keuntungan ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar keuntungan efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

*Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosot nilai*

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosot nilai.

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

**t. Penggabungan Perniagaan**

Penggabungan perniagaan diambilkira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kos penggabungan perniagaan adalah diukur pada agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran, aset diberikan, liabiliti yang ditanggungkan atau diandaikan, dan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan, sebagai pertukaran kawalan syarikat yang diambilalih, menambah sebarang kos boleh diagihkan secara langsung kepada penggabungan perniagaan.

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan memperuntukan kos penggabungan perniagaan dengan mengiktiraf aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka pada nilai saksama. Sebarang lebihan daripada kos penggabungan perniagaan di atas kepentingan pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti, liabiliti luar jangka adalah direkodkan sebagai muhibah.

Jika selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf melebihi kos penggabungan perniagaan, lebihan itu diiktiraf serta-merta dalam lebihan atau kurangan.

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### t. Penggabungan Perniagaan (SAMB.)

Dalam penyata kewangan yang disatukan, kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih syarikat subsidiari adalah dimasukkan dalam ekuiti. Kumpulan menganggap perubahan dalam kepentingan kawalan pemilik induk dalam syarikat subsidiari yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai urusniaga dengan pemegang ekuiti dalam kedudukan mereka sebagai pemegang ekuiti. Justeru, amaun bawaan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan pemilik induk dalam aset bersih syarikat subsidiari tersebut. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan demikian dan nilai saksama pertimbangan dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemegang ekuiti pemilik induk. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan ini dan perubahan dalam amaun bawaan aset (termasuk muhibah) atau liabiliti akibat daripada urusniaga tersebut tidak diiktiraf.

### u. Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Nilai saksama ditentukan sekurang-kurangnya melalui sumber dalaman pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, penilaian hartanah ini tidak termasuk tanah yang tidak mempunyai nilai komersial seperti hartanah kebajikan dan akan direkodkan pada nilai nominal.

Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan diambilkira sebagai hartanah pelaburan.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, pelaburan hartanah hendaklah direkodkan menggunakan kaedah perakaunan mengikut Seksyen 17 MPERS sehinggalah nilai saksama boleh diperolehi sewajarnya. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Hartanah yang disewakan tetapi keuntungan sewaan disalurkan terus kepada kebajikan seperti masjid dan surau akan direkodkan sebagai hartanah pelaburan.

Bagi tanah kebajikan yang disewakan, MAIWP merekodkan tanah tersebut pada nilai kos. Hal ini disebabkan nilai saksama hartanah pelaburan bagi tanah kebajikan tidak dapat diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha tidak wajar kerana syarat nyata tanah yang dinyatakan di dalam geran atau yang telah diwartakan adalah untuk pembinaan masjid, sekolah, surau dan pusat komuniti Islam.yang tidak bersifat komersial.

### v. Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan MAIWP mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambilkira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### w. Kos Pinjaman

Kos pinjaman Kumpulan dan MAIWP terdiri daripada keuntungan pinjaman, sewa beli dan lain-lain kos pinjaman yang dikira menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Semua kos pinjaman diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan.

**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

**x. Al-Wakalah Agihan Zakat**

Al-Wakalah agihan zakat adalah pengembalian semula wang zakat kepada pembayar zakat untuk diagihkan sendiri kepada asnaf. Pada tahun kewangan semasa, semua pengembalian semula kepada pembayar zakat akan diiktiraf sebagai pendahuluan di bawah aset semasa MAIWP. Wang zakat ini perlu diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak dalam tempoh setahun. Pendahuluan kemudiannya akan diiktiraf sebagai perbelanjaan agihan di dalam tahun ia terlibat.

**y. Modal Wakaf**

Modal wakaf terdiri daripada harta termasuk hartanah dan pelaburan yang diwakafkan kepada MAIWP.

**4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN**

Ahli Majlis berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan MAIWP selain yang dinyatakan di bawah:

*Penentuan Hartanah Pelaburan*

Sebahagian daripada hartanah Kumpulan dan MAIWP adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Kumpulan dan MAIWP akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika bahagian ruang untuk disewa tersebut mewakili sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah keseluruhan ruang.

*Pengukuran peruntukan*

Kumpulan dan MAIWP sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

*Penentuan kerugian rosot nilai aset kewangan*

Kumpulan dan MAIWP mengiktiraf kerugian rosot nilai bagi aset-aset kewangannya dengan menggunakan model kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*). Mana-mana siberhutang yang signifikan akan disemak secara berasingan bagi melihat keperluan untuk membuat rosot nilai dengan cara menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula. Manakala siberhutang yang lain pula akan disemak secara berkumpulan mengikut risiko kredit dengan menggunakan pengalaman yang lepas, hutang yang telah melangkaui tempoh dan keadaan ekonomi semasa.

*Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan*

Sesuatu kos hartanah, loji dan peralatan akan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu hartanah, loji dan peralatan itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

*Pengukuran pelan Manfaat Persaraan*

Pengukuran nilai semasa sesuatu obligasi manfaat adalah berdasarkan kepada beberapa andaian dan faktor yang ditentukan secara aktuari. Sebarang perubahan ke atas andaian-andaian tersebut akan memberi kesan ke atas nilai dibawa obligasi manfaat itu.

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

### KUMPULAN

| | Kos | | | | | | | Susutnilai terkumpul | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada awal tahun (Dinyatakan semula) RM | Pelarasan baki awal RM | Pada awal tahun selepas pelarasan RM | Tambahan dalam tahun RM | Jualan / Lupusan RM | Pelarasan bagi tahun semasa RM | Pada akhir tahun RM | Pada awal tahun (Dinyatakan semula) RM | Pelarasan baki awal RM | Pada awal tahun selepas pelarasan RM | Susutnilai dalam tahun RM | Jualan / Lupusan RM | Pelarasan | Pada akhir tahun RM | Nilai buku bersih RM | Nilai buku bersih 31.12.2017 (Dinyatakan semula) RM |
| Tanah pajakan | 146,230,557 | - | 146,230,557 | 100,030 | - | - | 146,330,587 | 60,582,383 | - | 60,582,383 | 1,081,793 | - | (73,350) | 61,590,826 | 84,739,761 | 85,648,174 |
| Tanah pegangan bebas | 440,664,399 | - | 440,664,399 | 166,071 | (10) | (1,571,170) | 439,259,290 | - | - | - | - | - | - | - | 439,259,290 | 440,664,399 |
| Tanah wakaf pajakan | - | - | - | 498,995 | - | - | 498,995 | - | - | - | 8,317 | - | - | 8,317 | 490,678 | - |
| Tanah wakaf pegangan bebas | - | - | - | 28,426,313 | - | - | 28,426,313 | - | - | - | - | - | - | - | 28,426,313 | - |
| | 586,894,956 | - | 586,894,956 | 29,191,409 | (10) | (1,571,170) | 614,515,185 | 60,582,383 | - | 60,582,383 | 1,090,110 | - | (73,350) | 61,599,143 | 552,916,042 | 526,312,573 |
| Bangunan pajakan | 43,257,459 | - | 43,257,459 | - | - | - | 43,257,459 | 6,392,196 | - | 6,392,196.00 | 865,149 | - | - | 7,257,345 | 36,000,114 | 36,865,263 |
| Bangunan pegangan bebas | 335,001,399 | | 335,001,399 | 439,805 | - | (642,320) | 334,798,884 | 29,566,577 | | 29,566,577.00 | 6,699,985 | - | (109,219) | 36,157,343 | 298,641,541 | 305,434,822 |
| Bangunan wakaf pajakan | - | - | - | 341,125 | - | - | 341,125 | - | - | - | 6,152 | - | - | 6,152 | 334,973 | - |
| | 378,258,858 | - | 378,258,858 | 780,930 | - | (642,320) | 378,397,468 | 35,958,773 | - | 35,958,773 | 7,571,286 | - | (109,219) | 43,420,840 | 334,976,628 | 342,300,085 |
| Kenderaan | 13,625,991 | - | 13,625,991 | 875,271 | (590,817) | - | 13,910,445 | 9,186,122 | - | 9,186,122 | 1,285,117 | (568,391) | - | 9,902,848 | 4,007,597 | 4,439,869 |
| Komputer | 16,738,239 | (757,718) | 15,980,521 | 1,491,639 | (636,709) | - | 16,835,451 | 12,842,287 | (746,280) | 12,096,007 | 1,863,785 | (615,212) | - | 13,344,580 | 3,490,871 | 3,895,952 |
| Peralatan Pejabat, Perabot dan Sukan | 31,264,550 | (11,619) | 31,252,931 | 1,340,857 | (607,297) | - | 31,986,491 | 19,531,832 | (1,243) | 19,530,589 | 2,049,814 | (288,575) | - | 21,291,828 | 10,694,663 | 11,732,718 |
| Peralatan Kelengkapan Penyiaran & Perhubungan | 1,947,182 | - | 1,947,182 | 114,993 | (2,600) | 2,554 | 2,062,129 | 600,955 | - | 600,955 | 195,462 | (1,257) | 85 | 795,245 | 1,266,884 | 1,346,227 |
| Alat Kelengkapan Fotografi/Perubatan/Muzik | 43,174,222 | - | 43,174,222 | 1,804,824 | (5) | - | 44,979,041 | 33,257,131 | - | 33,257,131 | 1,626,303 | - | - | 34,883,434 | 10,095,607 | 9,917,091 |
| Alat Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan & Kesihatan | 23,000 | - | 23,000 | - | - | - | 23,000 | 22,990 | - | 22,990 | - | - | - | 22,990 | 10 | 10 |
| Alat Kelengkapan Elektrik | 7,322,875 | (2,231) | 7,320,644 | 240,783 | (421,454) | 18,638 | 7,158,611 | 3,103,461 | (282) | 3,103,179 | 578,146 | (52,540) | 621 | 3,629,406 | 3,529,205 | 4,219,414 |
| Ubahsuai | 20,046,049 | 1 | 20,046,050 | 138,450 | - | - | 20,184,500 | 15,947,087 | - | 15,947,087 | 1,275,493 | - | - | 17,222,580 | 2,961,920 | 4,098,962 |
| Papan Tanda | 2,566,751 | (15) | 2,566,736 | 39,516 | - | - | 2,606,252 | 2,329,257 | (6) | 2,329,251 | 66,829 | - | - | 2,396,080 | 210,172 | 237,494 |
| Makmal | 998,056 | - | 998,056 | - | - | - | 998,056 | 998,054 | - | 998,054 | | - | - | 998,054 | 2 | 2 |
| Jentera | 930,660 | | 930,660 | - | - | - | 930,660 | 26,372 | - | 26,372.00 | 93,066 | - | - | 119,438 | 811,222 | 904,288 |
| | 138,637,575 | (771,582) | 137,865,993 | 6,046,333 | (2,258,882) | 21,192 | 141,674,636 | 97,845,548 | (747,811) | 97,097,737 | 9,034,015 | (1,525,975) | 706 | 104,606,483 | 37,068,153 | 40,792,027 |
| | 1,103,791,389 | (771,582) | 1,103,019,807 | 36,018,672 | (2,258,892) | (2,192,298) | 1,134,587,289 | 194,386,704 | (747,811) | 193,638,893 | 17,695,411 | (1,525,975) | (181,863) | 209,626,466 | 924,960,823 | 909,404,685 |

Termasuk didalam nilai buku bersih hartanah,loji dan peralatan adalah kenderaan,alat kelengkapan perubatan, peralatan pejabat dan perabot yang dibiayai melalui sewabeli RM3,280,444(2017: RM2,907,360)

## 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

### MAIWP

| | Kos/Nilaian | | | | | | | Susutnilai terkumpul | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada awal tahun (Dinyatakan semula) RM | Pelarasan baki awal RM | Pada awal tahun selepas pelarasan RM | Tambahan dalam tahun RM | Jualan / Lupusan RM | Pelarasan bagi tahun semasa RM | Pada akhir tahun (Dinyatakan semula) RM | Pada awal tahun RM | Pelarasan baki awal RM | Pada awal tahun selepas pelarasan RM | Susutnilai dalam tahun RM | Jualan / Lupusan RM | Pelarasan | Pada akhir tahun RM | Nilai buku bersih RM | Nilai buku bersih 31.12.2017 (Dinyatakan semula) RM |
| Tanah pajakan | 146,230,557 | - | 146,230,557 | 100,030 | - | - | 146,330,587 | 60,582,383 | - | 60,582,383 | 1,081,793 | - | (73,350) | 61,590,826 | 84,739,761 | 85,648,174 |
| Tanah pegangan bebas | 439,094,399 | - | 439,094,399 | 166,071 | (10) | (1,170) | 439,259,290 | - | - | - | - | - | - | - | 439,259,290 | 439,094,399 |
| Tanah wakaf pajakan | - | - | - | 498,995 | - | - | 498,995 | - | - | - | 8,317 | - | - | 8,317 | 490,678 | - |
| Tanah wakaf pegangan bebas | - | - | - | 28,426,313 | - | - | 28,426,313 | - | - | - | - | - | - | - | 28,426,313 | - |
| | 585,324,956 | - | 585,324,956 | 29,191,409 | (10) | (1,170) | 614,515,185 | 60,582,383 | - | 60,582,383 | 1,090,110 | - | (73,350) | 61,599,143 | 552,916,042 | 524,742,573 |
| Bangunan pajakan | 43,257,459 | - | 43,257,459 | - | - | - | 43,257,459 | 6,392,196 | - | 6,392,196 | 865,149 | - | - | 7,257,345 | 36,000,114 | 36,865,263 |
| Bangunan pegangan bebas | 322,569,200 | - | 322,569,200 | 439,805 | - | 87,680 | 323,096,685 | 27,342,613 | - | 27,342,613 | 6,465,940 | - | 305 | 33,808,858 | 289,287,827 | 295,226,587 |
| Bangunan wakaf pajakan | - | - | - | 341,125 | - | - | 341,125 | - | - | - | 6,152 | - | - | 6,152 | 334,973 | - |
| | 365,826,659 | - | 365,826,659 | 780,930 | - | 87,680 | 366,695,269 | 33,734,809 | - | 33,734,809 | 7,337,241 | - | 305 | 41,072,355 | 325,622,914 | 332,091,850 |
| Kenderaan | 6,035,622 | - | 6,035,622 | 259,791 | (66,426) | - | 6,228,987 | 5,312,968 | | 5,312,968 | 365,703 | (66,425) | - | 5,612,246 | 616,741 | 722,654 |
| Komputer | 8,143,813 | (157) | 8,143,656 | 555,800 | (405,604) | - | 8,293,852 | 5,791,633 | (120) | 5,791,513 | 870,130 | (385,224) | - | 6,276,419 | 2,017,433 | 2,352,180 |
| Peralatan Pejabat, Perabot dan Sukan | 11,925,710 | (10,816) | 11,914,894 | 607,326 | (599,955) | - | 11,922,265 | 4,911,365 | (1,242) | 4,910,123 | 1,073,731 | (285,419) | - | 5,698,435 | 6,223,830 | 7,014,345 |
| Peralatan Kelengkapan Penyiaran & Perhubungan | 1,947,183 | - | 1,947,183 | 114,993 | (2,600) | 2,554 | 2,062,130 | 600,955 | - | 600,955 | 195,462 | (1,257) | 85 | 795,245 | 1,266,885 | 1,346,228 |
| Alat Kelengkapan Fotografi/Perubatan/Muzik | 142,800 | - | 142,800 | 28,706 | - | - | 171,506 | 99,233 | - | 99,233 | 11,979 | - | - | 111,212 | 60,294 | 43,567 |
| Ubahsuai | 14,147,481 | - | 14,147,481 | - | - | - | 14,147,481 | 11,295,421 | - | 11,295,421 | 929,402 | - | - | 12,224,823 | 1,922,658 | 2,852,060 |
| Alat Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan & Kesihatan | 23,000 | - | 23,000 | - | - | - | 23,000 | 22,990 | - | 22,990 | - | | | 22,990 | 10 | 10 |
| Alat Kelengkapan Elektrik | 7,322,874 | (2,231) | 7,320,643 | 240,783 | (421,454) | 18,638 | 7,158,610 | 3,103,462 | (282) | 3,103,180 | 578,146 | (52,540) | 621 | 3,629,407 | 3,529,203 | 4,219,412 |
| Papan Tanda | 2,512,938 | (15) | 2,512,923 | 39,516 | - | - | 2,552,439 | 2,289,818 | (6) | 2,289,812 | 63,133 | - | - | 2,352,945 | 199,494 | 223,120 |
| Jentera | 930,660 | - | 930,660 | - | - | - | 930,660 | 26,372 | - | 26,372 | 93,066 | - | - | 119,438 | 811,222 | 904,288 |
| | 53,132,081 | (13,219) | 53,118,862 | 1,846,915 | (1,496,039) | 21,192 | 53,490,930 | 33,454,217 | (1,650) | 33,452,567 | 4,180,752 | (790,865) | 706 | 36,843,160 | 16,647,770 | 19,677,864 |
| | 1,004,283,696 | (13,219) | 1,004,270,477 | 31,819,254 | (1,496,049) | 107,702 | 1,034,701,384 | 127,771,409 | (1,650) | 127,769,759 | 12,608,103 | (790,865) | (72,339) | 139,514,658 | 895,186,726 | 876,512,287 |

Hartanah,loji dan peralatan dianalisa mengikut kumpulan wang seperti berikut; Kumpulan Wang Zakat RM715,489,642 (2017: RM724,932,962), Kumpulan Wang Sumber Am RM150,387,785 (2017: RM151,488,664), Kumpulan Wang Geran RM52,102 (2017: RM96,461) dan Kumpulan Wang Wakaf RM29,251,964 (2017: RM NIL

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 6. PELABURAN HARTANAH

### a. PELABURAN HARTANAH PADA NILAI SEMASA

**KUMPULAN**

| | Tanah RM | Bangunan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Pada 1 Januari 2018 | | | |
| (Dinyatakan semula) | 164,727,550 | 453,747,003 | 618,474,553 |
| Keuntungan/(kerugian) dari | | | |
| perubahan nilai semasa | 8,238,026 | 1,551,095 | 9,789,121 |
| Tambahan | 16,584,023 | 1,613,730 | 18,197,753 |
| Pelarasan tahun semasa | 962,712 | (1,004,662) | (41,950) |
| Pindahan dari Hartanah, Loji & Peralatan | | | |
Membantu asnaf untuk membina dan membaiki rumah kediaman

**BANTUAN PERTANIAN/ PERIKANAN/PERTERNAKAN**

Membantu mengembang dan memajukan taraf ekonomi asnaf yang menjalankan aktiviti pertanian/ perikanan/ penternakan

**BANTUAN PERNIAGAAN**

Membantu mengembang dan memajukan taraf ekonomi asnaf yang menjalankan perniagaan

**BANTUAN PERUBATAN**

Membantu asnaf yang tidak berkemampuan bagi menanggung kos rawatan perubatan

**BANTUAN TAMBANG DAN KEPERLUAN DIRI (IBNU SABIL)**

Membantu asnaf untuk menyediakan keperluan tiket/ waran perjalanan serta pelbagai keperluan diri yang lain dalam tempoh perjalanan tersebut

**BANTUAN MUSIBAH**

Membantu meringankan beban mangsa-mangsa musibah seperti bencana alam, kemalangan jiwa, kecurian dan rompakan

**BANTUAN AM PELAJARAN IPT**

Membantu pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi yang termasuk dalam keluarga asnaf untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi

**BANTUAN TUISYEN**

Membantu pelajar –pelajar penerima bantuan Baitulmal /asnaf untuk mengikut kelas –kelas tuisyen bagi matapelajaran asas di setiap peringkat peperiksaan utama

**BANTUAN BIASISWA/ INSENTIF KHAS PELAJAR CEMERLANG**

Memberi tajaan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi

**BANTUAN PERSEDIAAN IPT**

Membantu pelajar yang mendapat tawaran menyambung pengajian ke sekolah berasrama penuh/ institusi pengajian tinggi menerusi bantuan perbelanjaan awal sebelum sesi pendaftaran

**BANTUAN INSTITUSI TAHFIZ**

Menyediakan sumber kewangan kepada institusi-institusi tahfiz yang beroperasi di Wilayah Persekutuan bagi menjalankan operasi dan aktiviti tahunan

# TAKRIF ASNAF

(Berdasarkan Keputusan Mesyuarat MAIWP kali ke-135 pada 29 Mac 2016)

1) **FAKIR**
Seorang yang tidak mempunyai sebarang harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan daripada sumber-sumber lain tetapi jumlahnya tidak sampai 50% daripada had kifayah untuk keperluan asas dirinya dan tanggungannya.

2) **MISKIN**
Seorang yang mempunyai pekerjaan atau pendapatan yang melebihi 50% tetapi tidak mencapai had kifayah untuk keperluan asas dirinya dan tanggungannya.

3) **AMIL**

a) Mereka yang dilantik secara langsung oleh pemerintah dan ulul amri sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, pengagihan, pengurusan kewangan dan sebagainya.

b) Kedudukan Pembahagian Amil

i) Bahagian Amil adalah berdasarkan tugas yang mereka laksanakan lebih wajar untuk dipraktikkan daripada soal pembahagian satu perlapan atau seumpamanya.
ii) Pandangan Jumhur Ulama:
Hak yang diberikan kepada Amil adalah mengikut kerja yang dilakukannya, kesusahan dan bebanan kerja

c) Kedudukan Amil Sesuatu Negeri Pungut Zakat di Negeri Lain

i) Tidak dibenarkan kerana terdapat halangan daripada perundangan negeri sendiri.
ii) Berdasarkan kepada perundangan di Wilayah Persekutuan iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 yang memperuntukkan kuasa kepada Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat.

d) Kedudukan Orang Bukan Islam Menjadi Amil

i) Orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat
ii) Pandangan Ulama:
Kerja yang mensyaratkan amanah maka disyaratkan Islam dan tidak seharusnya kafir menguasai urusan kaum muslimin.

e) Kedudukan Perempuan Menjadi Amil

Harus wanita dilantik menjadi Amil

f) Kedudukan Amil melantik Amil lain bagi pihak dirinya (Amil atas Amil)

i) Pihak lain termasuk Amil yang telah dilantik tidak mempunyai kuasa untuk melantik pihak ketiga untuk menjalankan tugas bagi pihak dirinya.
ii) Seksyen 16(b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah menyatakan amil yang dilantik tidak mempunyai kuasa untuk melantik pihak ketiga untuk menjalankan tugas bagi pihak dirinya.

4) **MUALAF**

a) Mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya) terbahagi kepada dua iaitu:-

i) Beragama Islam
- Baharu memeluk agama Islam.
- Orang yang memeluk Islam tetapi masih lemah imannya.

ii) Bukan beragama Islam
- Boleh dipujuk supaya masuk Islam.
- Cenderung hatinya kepada ajaran Islam.
- Ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua Islam.
- Masyarakat orang Asli yang boleh dipujuk supaya menganut Islam.

b) Pemberian Zakat kepada Asnaf Muallaf Bukan Islam Yang Cenderung Ke Arah Islam

i) Pandangan Pengikut Mazhab Syafi'e dan Maliki- Muallaf Kafir musyrikin harus menerima agihan zakat yang memujuk hati mereka supaya cenderung kepada agama Islam.
ii) Pengagihan zakat kepada orang bukan Islam melalui kod Muallaf dan wajar diberikan jumlah yang sama kepada golongan beragama Islam dan bukan beragama Islam.

5) **AR-RIQAB**

a) Orang Islam yang dibelenggu atau dieksploitasi dari aspek pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan yang tidak mampu membebaskan dirinya daripada belenggu tersebut.

b) Golongan yang dikategorikan di bawah asnaf Ar-Riqab:

   i) Kesalahan yang berhubungan dengan akidah
      - Kejahilan dalam agama seperti murtad;
      - Ajaran sesat.
      - Fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah ahli Sunnah Wa Jamaah seperti liberalisme, orientalisme dan lain-lain.

   ii) Kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya
      - Menolak kemudharatan seseorang individu daripada belenggu pemikiran yang dialami.
      - Perluasan asnaf ini bagi kes-kes: mencaci/ menghina/ mencabar agama atau Institusi Islam.

   iii) Kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan
      - Menyelamat/ melindungi wanita atau lelaki daripada terjerumus aktiviti –aktiviti tidak bermoral,
      - Aktiviti pelacuran,
      - LGBT (lesbian, gay, bisexual dan transgender) dan lain-lain.

   iv) Kesalahan yang berhubungan dengan dadah
      - Mereka-mereka yang terlibat secara langsung atau tidak seperti pengedar / penagih dan dalam proses pemulihan.
      - Termasuk juga yang terlibat dalam lain-lain aktiviti penagihan seperti pil-pil kuda, estacy dan seumpamanya.

   v) Terbelenggu dengan penyakit kronik
      - Pesakit Aids/ HIV/ TIBI adalah terbelenggu dari segi kebebasan dan dari menjalani kehidupan yang sihat.

   vi) Individu Yang Ditinggalkan dan Tiada Tempat Bergantung
      - Bayi yang ditinggalkan ini terbelenggu kehidupannya daripada kejahilan terhadap agama, kebebasan dan harta.
      - Diperluaskan kepada isteri/ suami/ ibubapa/ anak-anak yang ditinggalkan adalah termasuk dalam belenggu agama, kebebasan dan harta.
      - Diperluaskan juga kepada golongan gelandangan.

   vii) Kes-Kes Ancaman dan Keselamatan
      - Perluasan bantuan melalui asnaf bagi kes-kes yang mengancam keselamatan nyawa, maruah diri dan keluarga seperti hutang ah long.
      - Hilang tempat perlindungan kerana dihalau oleh keluarga / tuan rumah sewa.

**6) AL-GHARIMIN**

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum syarak.

**7) FISABILILLAH**

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti untuk menegak, mempertahan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

**8) IBNU SABIL**

a) Mana-mana orang yang berada dalam perjalanan atau baru hendak memulakan perjalanan dari mana jua negeri atau negara dengan tujuan yang dibenarkan Syarak dan memerlukan bantuan bagi meneruskan perjalanan sehingga mencapai tujuan.

b) Pembahagian kategori Ibnu Sabil oleh Mazhab Shafi'e:

   i) Anak watan/Orang yang bermukim di suatu tempat yang hendak memulakan perjalanan;
   ii) Orang asing yang terkandas dan tidak dapat meneruskan perjalanan.

# SEJARAH & PERKEMBANGAN INSTITUSI DI BAWAH MAIWP

## DARUL KIFAYAH

- Ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 20 Ogos 1983 bagi menjaga kebajikan anak-anak yatim di Wilayah Persekutuan.
- Operasi bermula di Kampung Batu, Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah sebelum ianya dipindahkan buat sementara waktu ke Taman Bukit Anggerik, Cheras pada tahun 1992 bagi membolehkan pembinaan bangunan baharu Darul Kifayah dilaksanakan.
- Upacara perletakan batu asas bangunan baru telah disempurnakan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor (sekarang Tan Sri) selaku Pengerusi MAIWP ketika itu.
- Pada Oktober 1993, Darul Kifayah telah beroperasi di premis baru yang telah siap dibina. Perasmian premis baru disempurnakan pada 5 Januari 1996 oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (sekarang Tun) Perdana Menteri Malaysia ketika itu.
- Pada 17 Disember 2007, Darul Kifayah telah berpindah ke premis baru di Lot 28188 Jalan 36/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur yang mampu menampung seramai lebih kurang 500 orang pelajar serta memberi kemudahan dan tempat tinggal yang lebih sempurna dan selesa.
- Prasarana di Darul Kifayah telah dinaiktaraf dengan pembinaan beberapa blok baru termasuk surau Jumaat bernilai keseluruhan RM20.6 juta. Pembangunan dibuat bagi memberi lebih keselesaan dan mampu menampung sehingga 750 orang penghuni. Projek menaiktaraf ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2015.

## DAR ASSAADAH

- Ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat MAIWP pada 2 Ogos 1985 yang bertujuan memberi perlindungan dan bimbingan kepada golongan remaja dan keluarga tersasar arah.
- Mula beroperasi pada November 1989 di sebuah blok bangunan rumah kedai di Taman Bukit Anggerik, Cheras Kuala Lumpur dengan kemasukan penghuni seramai 9 orang.
- Berpindah sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 1996 ke sebuah lot rumah banglo milik MAIWP di No 149 Jalan Gurney 3, Datuk Keramat Kuala Lumpur dan pada 2 Februari 2000 ke sebuah kompleks milik MAIWP di Lot 28188 Jalan 26/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, 68100 Batu Caves, Kuala Lumpur.
- Diberi nama sebagai Dar Assaadah secara rasminya pada tahun 2001.
- Pada akhir tahun 2007, Dar Assaadah telah berpindah ke Kampung Batu, Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah yang sebelum itu menempatkan penghuni anak yatim Darul Kifayah. Perpindahan dibuat bagi memberi ruang yang lebih selesa kepada penghuni Darul Kifayah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun.

## INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

- Ditubuhkan pada tahun 1991 menerusi idea awal oleh YB Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor, Pengerusi MAIWP pada ketika itu.
- Ditubuhkan bertujuan untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan keluarga Islam di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan dengan memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak keluarga fakir dan miskin
- Pada awal penubuhannya, IKB diberi nama sebagai Pusat Latihan Fakir Miskin yang kemudiannya ditukar kepada Pusat Latihan Kemahiran Baitulmal (PLKB) dan kepada nama sekarang pada tahun 1996.
- Bermula pada 18 Mac 1991, IKB mula beroperasi dengan tiga kursus yang ditawarkan iaitu Kursus Jahitan Pakaian Lelaki, Kursus Jahitan Pakaian Wanita dan Kursus Senilukis Kreatif dan Kemasan Semburan.
- Peranan IKB terus diperluaskan dengan terbinanya bangunan 4 tingkat yang disiapkan pada tahun 1994. Dengan adanya bangunan baru ini, IKB telah menambah 3 lagi kursus pada tahun 1995 iaitu Kursus Kejuruteraan Elektrik, Kursus Masakan dan Katering dan Kursus Batik dan Cetakan Tekstil.
- Pada awal penubuhannya, kursus hanya mengambil masa selama setahun yang kemudiannya dilanjutkan kepada 2 tahun pada tahun 2004 dengan penambahbaikan kepada kurikulum sedia ada di samping turut memperlengkapkan pelajar-pelajar dengan pengajian Agama Islam, Bahasa Inggeris, Keusahawanan dan Aplikasi Komputer. Ia turut melibatkan pertukaran nama-nama kursus yang ditawarkan bagi memberi nilai tambah kepada kursus-kursus tersebut.
- Pada tahun 2006, IKB mula menawarkan kursus Teknologi Binaan Bangunan.
- Bangunan IKB telah dinaiktaraf dengan pembinaan beberapa blok baru pada tahun 2012.

- Sehingga kini, sebanyak 6 kursus ditawarkan iaitu:
  - » Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Wanita
  - » Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Lelaki
  - » Perkhidmatan Dan Penyajian Makanan
  - » Kejuruteraan Elektrik
  - » Seni Lukis Dan Senireka
  - » Teknologi Binaan Bangunan

- Kursus-kursus di IKB mendapat pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Sijil Kekompetenan dan Pengendorsan Pendawai (PW4) dari Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi Kursus Kejuruteraan Elektrik

## TASKA DARUL HANNAN

- Merupakan sebuah institusi penjagaan dan pendidikan harian bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.

- Mula beroperasi pada 1 Disember 1996 di sebuah bangunan yang terletak di dalam kawasan IKB, Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kuala Lumpur.

- Pada 22 November 2007, Mesyuarat MAIWP Kali Ke-102 telah bersetuju menubuhkan sebuah lagi Taska Darul Hannan bertempat di Dewan Nurseri, Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur yang telah dirasmikan pada 25 Februari 2010 oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.

## SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP

- Ditubuhkan hasil keputusan Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 28 Julai 2006 yang bersetuju agar MAIWP menubuhkan Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) di Wilayah Persekutuan sebagai kesinambungan pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah agama di Wilayah Persekutuan.

- Mula beroperasi pada 22 Januari 2007 di satu blok bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA) Othmaniah, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur dengan bilangan pelajar seramai 181 orang.

- Ia merupakan sebuah sekolah berasrama dan semua pelajar diwajibkan tinggal di asrama sepanjang sesi persekolahan.

- Pada tahun 2010, SMA-MAIWP Kuala Lumpur telah diserap menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

- Pada Jun 2013, SMA-MAIWP telah berpindah ke premis tetap di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur apabila kompleks sekolah tersebut yang bernilai RM104.49 juta siap dibina dan dilengkapi dengan blok pentadbiran dan akademik, bengkel, asrama, kuarters, surau dan pelbagai kemudahan lain.

- SMA-MAIWP telah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan di atas pencapaian cemerlang sekolah pada tahun 2015.

## SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP LABUAN

- Pada tahun 2011, SMA MAIWP Labuan telah dibuka di Wilayah Persekutan Labuan.

- Penubuhan mencatat sejarah apabila menjadi sekolah menengah agama pertama di Labuan.

- Beroperasi secara sementara di salah satu blok bangunan Sekolah Rendah Agama Islam Al-Mustaqim di Kampung Lubuk Temiang Labuan.

- Telah dirasmikan pada 15 April 2011 oleh Y.B Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ketika itu.

## TADIKA ISLAM

- Tadika Islam telah mula wujud sejak tahun 1970-an dan operasi pelaksanaan ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Guru-guru yang dilantik adalah berstatus sementara dan hanya dibayar secara elaun melalui hasil yuran pelajar dan tambahan peruntukan kewangan MAIWP.

- Mesyuarat Penyusunan Semula Perjawatan JAWI bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 24 September 2007 di JAWI telah memutuskan bahawa pengurusan dan perjawatan guru-guru Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP.

- Pada 1 Januari 2009, operasi dan pentadbiran Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP dan majlis penyerahan tersebut secara rasminya telah disempurnakan pada 18 Mac 2009 oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.

- Sehingga kini, terdapat sebanyak 81 buah Tadika Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

## SEKOLAH MENENGAH INTEGRASI SAINS TAHFIZ (SMISTA)

- Mesyuarat MAIWP pada 27 Julai 2009 telah meluluskan penubuhan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) MAIWP sebagai sebuah sekolah menengah akademik dan tahfiz yang pertama di Wilayah Persekutuan.

- SMISTA mula beroperasi pada 3 Januari 2011 di bangunan sementara iaitu berkongsi bangunan dengan Sekolah Menengah Agama MAIWP di Bandar Tun Razak Cheras dengan pengambilan pelajar seramai 55 orang.

- Pada 23 Disember 2011, operasi SMISTA berpindah ke bangunan sendiri di Danau Lumayan, Bandar Permaisuri, Cheras yang dilengkapi dengan kelas dan kemudahan asrama.

- Pada Jun 2013, SMISTA berpindah pula ke bangunan SMA MAIWP di Bandar Tun Razak, Cheras. Asrama pelajar pula ditempatkan di Kompleks SMA MAIWP, Bandar Permaisuri yang baru siap dibina untuk memberi lebih keselesaan kepada para pelajar.

## DARUL ILMI

- Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf, Pusaka, Wasiat dan Sumber Am Bilangan 2 / 2011 telah membincangkan dan bersetuju dengan kertas konsep Penubuhan Pusat Pengajian Warga Emas MAIWP yang berumur 55 tahun ke atas.

- Ia ditubuhkan di atas tanah wakaf yang diwakafkan oleh Ir. Haji Mohd. Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur seluas 1.7 ekar.

- Objektif utama adalah untuk melaksanakan Fardhu Kifayah kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan serta memberi peluang kepada golongan warga emas untuk menimba ilmu agama dengan lebih mendalam sebagai bekalan di dunia dan akhirat

- Penubuhannya menjadikan MAIWP sebagai perintis kepada Majlis Agama Islam Negeri mewujudkan Pusat Pengajian Islam Warga Emas (Pondok Moden) yang selama ini dipelopori oleh badan-badan bukan kerajaan.

- Mula beroperasi pada 12 Mac 2012 dengan nama Dar Assakinah sebelum ditukar nama kepada Darul Ilmi pada 23 Mac 2015.

- Menggunapakai konsep pusat pengajian Islam ala pondok yang menyediakan penginapan dan bukan berkonsepkan pusat jagaan warga emas.

## PONDOK MODEN AL-'ABAQIRAH

- Mesyuarat MAIWP pada 23 Mac 2015 telah meluluskan penubuhan Pondok Moden Al-'Abaqirah.

- PMA mensasarkan pelajar-pelajar yang tamat PT3 atau yang setaraf dengannya serta minat yang mendalam dalam Ilmu Islam dan menghafaz sebahagian Al-Quran. Manakala tempoh pengajian adalah selama empat tahun (lapan semester). Pembelajaran menggabungkan akademik dan pengajian kitab thurath.

- Majlis Pelancaran Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA) telah dirasmikan pada 1 Julai 201 5oleh YB Mejar Jeneral Datuk Seri Jamil Khir bin Hj Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ketika itu.

- PMA telah mula beroperasi pada Ogos 2015 dengan pengambilan pelajar pertama seramai 44 orang di Bangunan Darul Hidayah MAIWP, Kampung Baru Kuala Lumpur.

- Pada tahun 2016, operasi telah dipindahkan ke bangunan yang lebih selesa iaitu di bangunan Darul Kifayah, Taman Batu Muda, Batu Caves.

## MA'ALIM AL-SUNAN LI DIRASATI AL-SUNNAH AL-NABAWIYYAH (MSN)

- Penubuhan MSN adalah hasil daripada permintaan masyarakat dan matlamat untuk melahirkan cendekiawan Islam yang pakar dalam ilmu hadis.

- Pengajian menggunapakai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ditambah dengan sistem pengajian turathi (Bahasa Arab & ilmu hadis) selain hafazan Al-Quran, hadis-hadis pilihan serta matan-matan asas ilmu Islam.

- Mula beroperasi pada 19 April 2017 di Kampung Baru, Kuala Lumpur dengan 17 orang pelajar.

# BANGUNAN & PREMIS MILIK MAIWP

## WAKAF


1


2

1. **Imarah Wakaf**
   Menara ini merupakan hasil perkongsian pintar antara MAIWP, Tabung Haji melalui anak syarikatnya Tabung Haji Technologies (THT) dan Bank Islam. Menara Wakaf dibina di atas Lot 168 & 169, Jalan Perak seluas 1.11 ekar yang diwakafkan oleh Allahyarham Ahmad Dowjee Dadhaboy dengan kos pembinaan sebanyak RM151 juta. Tanah ini dipajak kepada LTH untuk tempoh 25 tahun dengan hasil pajakan berjumlah RM56.6 juta. Bangunan akan menjadi milik MAIWP sepenuhnya setelah tamat tempoh pajakan.

   Lokasinya terletak di kedudukan sangat strategik di dalam Lingkaran Segi Tiga Emas Kuala Lumpur dan berhampiran dengan Menara Berkembar KLCC.

2. **Darul Ilmi**
   Pusat Pengajian Darul Ilmi yang beralamat di Lot 43760A, Jalan Sri Penchala 1, Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur ini telah diwakafkan oleh Tuan Haji Mohd Mazlan bin Md. Ismail Merican pada bulan September 2011. Banglo ini terletak di atas tanah berkeluasan 1.7 ekar.

## PENDIDIKAN


3


4


5

3. **Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)**
   Bangunan ini dibina di Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Kos pembinaannya adalah sebanyak RM3.8 juta. Ianya telah siap dibina pada tahun 1990 dan digunakan untuk menempatkan pelajar-pelajar kursus kemahiran. Pada tahun 1994 pembangunan Fasa ke-2 pula ialah membangunkan bangunan 4 tingkat. Pembangunan ini bagi menampung penambahan kursus dan pelajar. Pada tahun 2013 dua buah bangunan asrama siap dibina beserta dewan makan. Pembinaan ini melibatkan kos sebanyak RM 19 juta.

4. **Kampus Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur**
   Bangunan ini dibina bersebelahan dengan IKB di kawasan seluas 2 ½ ekar. Pembinaan kampus ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama siap dibina pada 1996 dan menelan kos sebanyak RM15.8 juta. Manakala fasa kedua telah siap dibina pada tahun 1997 dengan kos sebanyak RM13 juta. Di dalam fasa ini, terdapat 3 blok bangunan yang dibina iaitu 1 blok asrama perempuan 11 tingkat, 1 blok asrama lelaki dan 1 blok surau setingkat. Bangunan ini telah disewakan kepada IPB dengan kadar RM2.076 juta setahun.













5. **Asrama Pelajar Wilayah Persekutuan Mesir**
   Bangunan setinggi 9 tingkat ini dibeli dengan kos RM7.37 juta merangkumi kos pembelian bangunan, kos ubahsuai, alat kelengkapan perabot dan elektrik. Ianya bertujuan menyediakan kemudahan penginapan kepada para pelajar dari Wilayah Persekutuan yang melanjutkan pengajian di Mesir. Selain kemudahan asrama, bangunan ini menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti surau, perpustakaan, kafe, pejabat pengurus asrama, rumah pengurus asrama, dua unit villa dan satu unit VIP suite. Bangunan ini mula beroperasi pada April 2009 dan pembukaannya telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ketika itu.

6. **Asrama Kedua Pelajar Wilayah Persekutuan Mesir**
   Bangunan asrama 9 tingkat ini terletak di Hayu Sabee, Nasr City, Mesir dengan jumlah keluasan pembangunan 4,400 meter persegi. Perjanjian pembelian bangunan tersebut dimeterai pada 13 Disember 2015 dan telah siap diubahsuai sepenuhnya pada 15 Januari 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah USD5.5juta termasuk kos tanah, bangunan, ubahsuai dalaman dan kelengkapan perabot. Jumlah bilik penginapan adalah sebanyak 68 bilik dengan kapisiti pelajar seramai 272 orang. Lokasi bangunan ini berdekatan dengan Universiti Al-Azhar.

7. **Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz**
   Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) ini terletak di perkarangan Masjid Saidina Othman bin Affan di Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur. Sekolah SMISTA ini terdiri daripada 2 blok bangunan 4 tingkat. Bangunan ini telah siap dibina pada 14 April 2011 dengan kos pembinaan sebanyak RM6.2 juta.

8. **Sekolah Menengah Agama MAIWP**
   Kompleks Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) mula dibina pada Jun 2010 di atas Lot PT 6949 Mukim Kuala Lumpur, Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur berkeluasan 8.4 ekar dan siap sepenuhnya pada April 2013. Kompleks ini mengandungi 4 blok akademik, 1 blok Kuarters 8 tingkat dan 3 blok Asrama. Kos pembinaan keseluruhan adalah sebanyak RM104.94 juta. SMA-MAIWP beroperasi sepenuhnya di kompleks ini pada Januari 2014.

9. **Kampus PICOMS**
   Bangunan komersial setinggi 4 tingkat beralamat di Lot No. 3, Jalan 31/10A, Taman Perindustrian IKS, Kuala Lumpur ini dibeli dengan kos RM14 juta. Keluasan tapak kampus ini adalah seluas 2.2 ekar dan ia dibeli untuk dijadikan kampus tetap Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI (PICOMS) yang sebelum itu terletak di Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur. Bangunan ini telah disewakan kepada PICOMS dengan kadar RM1.08 juta setahun.

## KEBAJIKAN













**10. Dar Assaadah**

Dar Assaadah yang berkeluasan 2.38 ekar dibina di Kampung Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur dengan kos sebanyak RM15 juta. Kompleks ini mampu menempatkan seramai 70 orang penghuni dalam satu-satu masa.

**11. Darul Kifayah**

Kompleks ini terletak di Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves dengan keluasan 8 hektar. Ia telah siap dibina pada awal tahun 1999 dan mampu menempatkan sehingga 500 orang penghuni. Di sini juga terdapat sebuah dewan yang mampu menampung sehingga 500 orang.

**12. Darul Kifayah Labuan**

Pembinaan Kompleks ini bermula pada pertengahan April 2014 dan telah disiapkan pada 5 September 2017 dengan kos pembinaan sebanyak RM26.37 juta. Ianya terletak di Lot 7093, Jalan Tanjung Taras, Labuan di atas tanah seluas 5.8 ekar. Komponen kompleks ini terdiri dari blok-blok pentadbiran, aarama lelaki dan perempuan, surau, dewan makan, dewan serbaguna dan kuarters. Kompleks Darul Kifayah ini juga turut dilengkapi dengan padang permainan dan ruang rekreasi. Kompleks ini direka bentuk untuk menempatkan seramai 200 orang penghuni dalam satu masa.

**13. Darul Hidayah**

Bangunan ini terletak di atas tanah seluas 1.63 ekar di Lot 6659, Mukim Setapak, Jalan Sentul, 51200 Kuala Lumpur. Pembinaan bermula pada bulan Oktober 2012 dan telah siap sepenuhnya pada 27 September 2016 dengan kos berjumlah RM26.9 juta. Kompleks ini boleh menempatkan seramai 300 orang penghuni dalam satu masa dan telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pejabat, kelas bimbingan, asrama, dewan makan dan kuarters.

## PEJABAT







**14. Bangunan Daruzzakah**

Bangunan ini dibina di Lorong Haji Hussein 2 Off Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur berkeluasan 0.16 ekar. Kos pembinaan bangunan ini adalah sebanyak RM6 juta dan ianya siap dibina pada tahun 1992. Bangunan ini telah dijadikan sebagai pejabat Bahagian Baitulmal MAIWP dan sebahagian lagi disewakan kepada Pusat Pungutan Zakat MAIWP. Kini, ia sedang diubahsuai bagi menyediakan ruang pejabat yang lebih kondusif.

**15. Bangunan Danau Lumayan**

Bangunan ini terdiri daripada bangunan 3 dan 5 tingkat yang melibatkan 5 lot kedai pejabat di unit 18, 20, 22, 24 dan 26, Jalan Danau lumayan, Bandar Tasik Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur. Ia dibeli dengan kos RM12.3 juta. Bangunan ini pada awalnya digunakan sebagai bangunan sementara Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) MAIWP. Pada tahun 2014, ia telah digunakan sebagai Tadika Islam Sumaiyah MAIWP dan sebahagian lagi sebagai Pusat Agihan Zakat Parlimen Bandar Tun Razak.

## KOMERSIL










**16. Kompleks Hospital PUSRAWI dan Hotel Putra KL**

Projek ini telah siap dibina pada penghujung tahun 2005. Bangunan Hotel Putra KL dan Hospital PUSRAWI ini dibina di atas Lot 149, Seksyen 87, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur berhadapan dengan Institut Jantung Negara (IJN). Bangunan ini telah disewakan kepada Hospital PUSRAWI dengan kadar RM4.86 juta setahun manakala Hotel Putra dengan kadar RM0.48 juta setahun.

Lokasinya yang strategik membolehkan Hotel Putra KL menerima permintaan yang tinggi termasuk daripada kalangan waris pesakit Hospital PUSRAWI dan IJN.

**17. 25 Unit Pangsapuri Lestari Dan 1 Unit Kondominium Mentari**

Pangsapuri Lestari dan Kondominium Mentari di Bandar Tun Razak Cheras adalah pertukaran satu (1) lot tanah milik MAIWP di No. 68A-68B, Jalan Tembeling, Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur dengan 26 unit rumah kediaman milik DBKL yang terdiri terdiri daripada 25 unit rumah di Pangsapuri Lestari dan 1 unit rumah di Kondominium Mentari. Nilai pertukaran untuk 26 unit rumah tersebut adalah berjumlah RM 2.5 juta. Rumah tersebut disewakan kepada orang awam dan kakitangan MAIWP.

**18. Bangunan Wisma Baitulmal**

Bangunan Wisma Baitulmal terdiri daripada 2 blok bangunan setinggi 6 ½ tingkat dan 4 ½ tingkat. Bangunan 6 ½ tingkat adalah pindahmilik secara sukarela daripada syarikat milik MAIWP iaitu Baitulmal Wilayah Sdn. Bhd. (BWSB) pada 30 Mac 1995 yang beralamat di No.132-138, Wisma Baitulmal, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur. Pada masakini bangunan tersebut telah disewakan kepada PUSRAWI dan PICOMS. Manakala bangunan 4 ½ tingkat pula di beli pada tahun 16 Februari 1981 dengan harga RM 829,433 yang beralamat di No. 130, Wisma Baitulmal, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur. Bangunan No. 130 dan No. 132-138 yang di sewakan kepada PICOMS digunakan sebagai pejabat, bilik kuliah dan makmal.




**19. Bangunan Wisma MAIWP**

Bangunan komersial setinggi 9 tingkat beralamat di No. v399A Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dibeli dengan harga RM 4.6 juta pada4 Mei 1999. Bangunan ini telah disewakan.




**20. Hotel Selesa Inn**

Bangunan komersil yang beralamat di No. 285-287, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dibeli dengan harga RM 9.6 juta pada 5 Oktober 2000. Bangunan ini telah disewakan.




**21. Hartanah di Pulau Pinang**

Bangunan komersil ini terletak di Lot 1316, Seksyen 4, Jalan Burmah, Georgetown, Pulau Pinang. Bangunan tersebut telah dibeli daripada PERKIM pada 2 Mac 2015 dengan harga RM17.52 juta. Bangunan tersebut pernah disewakan kepada MSN College sehingga 2018. Ianya terletak di kawasan strategik iaitu ditengah-tengah pusat bandar Georgetown, Pulau Pinang seluas 4,198.43 meter persegi.




**22. Bangunan Milik Murni International (M) Sdn. Bhd.**

Bangunan komersil beralamat di Lot 36262, Persiaran Timur, Putrajaya, Mukim Dengkil ini terdiri daripada 1 blok bangunan akademik setinggi 4 tingkat dan 1 unit medan selera 1 tingkat dengan keluasan 97,000 kaki persegi. Keluasan keseluruhan kawasan kolej ini adalah 5.302 ekar. Pemilik bangunan ini adalah Murni Nursing Academy Sdn. Bhd. yang telah dibeli oleh MAIWP pada harga RM39.5 juta.




**23. Bangunan Nadi 15**

Bangunan komersil lot Pejabat yang beralamat di Nadi 15, Presint 15, Putrajaya terdiri daripada 2 bangunan lot pejabat 3 tingkat yang telah dibeli oleh MAIWP pada harga RM5.5 juta pada 20 Februari 2012. Bangunan tersebut telah siap dan diserahkan kepada MAIWP pada 22 Mac 2017 seluas 1,114.56 meter persegi.




**24. Dutamas**

Bangunan asrama setinggi 15 tingkat yang terdiri daripada 9 tingkat asrama penginapan, 1 tingkat dewan serbaguna, 1 tingkat surau untuk 500 jemaah dan 4 tingkat parking. Bangunan tersebut adalah daripada hasil projek usahasama antara MAIWP dan Syarikat Pemaju. Bangunan tersebut telah siap dan diserahkan kepada MAIWP pada 16 Oktober 2017. Ianya terletak di Persiaran Dutamas, Dutamas Kuala Lumpur.


25


26



27

**25. Alam Damai**

2 unit bangunan pejabat 4 tingkat yang telah dibeli daripada Arra Properties pada tahun 2015. Bangunan tersebut telah siap dibina pada 5 April 2018 dengan harga belian RM6.624 juta. Ianya terletak di Wisma Damai 12, Taman Alam Damai, Kuala lumpur.

**26. Ayer 8**

2 unit bangunan kedai/pejabat setinggi 2 tingkat yang telah dibeli daripada Putrajaya Homes Sdn. Bhd. dan telah siap pada tahun 2014. Bangunan tersebut terletak di Ayer 8, Presint 8, Putrajaya. Harga bangunan tersebut pada ketika dibeli adalah RM5.83 juta bagi kedua-dua unit.

**27. Bangunan Galeria Hartamas**

Bangunan ini merupakan bangunan kedai/pejabat setinggi tiga(3) tingkat yang beralamat di Galeria Hartamas, Desa Sri Hartamas Kuala Lumpur. Bangunan tersebut adalah pulangan daripada hasil projek usahasama antara MAIWP dan syarikat pemaju. Bangunan tersebut telah siap dan diserahkan kepada MAIWP pada 4 Februari 2013.

## KEDIAMAN


28



29

**28. Taman Perumahan Pelangi Jaya**

Taman Perumahan Pelangi Jaya yang dibina oleh MAIWP secara usahasama dengan sebuah syarikat mengandungi 187 unit rumah teres 2 tingkat dan 13 unit rumah kedai. Taman Perumahan ini siap dibina pada tahun 1996 bersebelahan dengan Lebuhraya Karak / Kuala Lumpur. Melalui projek usahasama ini, MAIWP memperolehi 32 unit rumah teres dan 12 unit rumah kedai.

Rumah dan rumah kedai tersebut disewakan kepada orang awam dan kakitangan MAIWP.

**29. Taman Rancha-Rancha Labuan**

Taman Perumahan Rancha-Rancha Labuan dibeli daripada dengan harga RM 1.8 juta terdiri daripada 15 unit rumah teres 2 tingkat pada 8 Januari 2009. Rumah tersebut disewakan kepada orang awam dan kakitangan MAIWP Labuan.

# DIREKTORI

## PEJABAT

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Ibu Pejabat)**
Aras 10, Bangunan PERKIM
No. 150, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 4047 9444
No. Faks : 03- 4044 9444

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan**
Blok 4, Tingkat 13
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 80960, 87019 Labuan
No. Tel : 087-418 515 / 512
No. Faks : 087-418 514

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Putrajaya**
Aras 3, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100 Putrajaya
No. Tel : 03-8871 5000

## INSTITUSI PERLINDUNGAN & KEBAJIKAN

**Kompleks Darul Kifayah**
Lot 28188, Jalan 36/10
Taman Koperasi Polis Fasa 2
Batu Caves
68100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 6188 4844
No. Faks: 03- 6188 1844

**Kompleks Darul Kifayah Labuan**
Jalan Tanjung Taras
87000 Labuan
No. Tel : 087- 504 271

**Kompleks Dar Assaadah**
Kampung Batu, Batu 5,
Jalan Sultan Azlan Shah
52000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 6257 0960 / 6864
No. Faks : 03- 6258 1254

## INSTITUSI PENDIDIKAN

**Institut Kemahiran Baitulmal**
Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kampung Pandan
Taman Maluri
55100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 9283 0198
No. Faks : 03- 9281 1387

**Pondok Moden Al-'Abaqirah MAIWP**
d/a Darul Kifayah
Lot 52566, Jalan 36/10
Taman Koperasi Polis Fasa 2 Batu Caves
68100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 6186 7188
No. Faks : 03- 6187 7188

**Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnnah Al-Nabawiyyah**
Lot 22-1, Blok B
Jalan Danau Lumayan 1
Bandar Seri Permaisuri, Cheras
56000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-2602 0279

**Sekolah Menengah Agama MAIWP**
Sekolah Kluster Kecemerlangan
No. 2 Jalan Sri Permaisuri Cheras
56000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 9171 3661
No. Faks : 03- 9171 2661

**Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan**
d/a Sekolah Rendah Agama
Islam Al-Mustaqim
Kampung Lubuk Temiang
Peti Surat 81043
80721 Labuan
No. Tel : 087-466 332
No. Faks : 087-466 334

**Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz**
d/a Masjid Saidina Othman Ibn Affan
Bandar Tun Razak, Cheras
56000 Cheras, Kuala Lumpur
No. Tel : 03-9171 1005
No. Faks : 03-9171 1499

**Taska Darul Hannan cawangan**
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 6201 3339
No. Faks : 03- 6201 2229

**Taska Darul Hannan cawangan IKB**
Lot. 1363, Jalan Perkasa,
Off Jalan Kampung Pandan
Taman Maluri
51100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 92810312

**Asrama MAIWP di Mesir**
No 24 El-Mahdy Ibn Baraka Street
7th District, Nasr City, Cairo
Arab Republic Of Egypt
Tel/Fax : +202 22879711

**Darul Ilmi**
Lot 43760A, Jalan Sri Penchala 1
Kampung Sungai Penchala
60000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-77223263
No. Faks : 03-77221436

## PUSAT AGIHAN ZAKAT (PAZA)

**PAZA Cawangan Bandar Tun Razak**
26, Pusat Perniagaan Danau Lumayan
Jalan Danau Lumayan 1
56000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9191 0116

**PAZA Cawangan Batu**
838, Tingkat Bawah, Sayap Kiri, Batu 4 ½
Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 6259 6906

**PAZA Cawangan Bukit Bintang**
Tingkat 3, UTC Pudu Sentral
Jalan Pudu
55100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 2070 2004 / 03- 2070 2005

**PAZA Cawangan Setiawangsa**
No 11-G , Jalan Wangsa Delima 13
53300 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 4142 0515

**PAZA Cawangan Titiwangsa**
Mini UTC Keramat
Jalan Datuk Keramat
54000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-4251 8524

**PAZA Cawangan Lembah Pantai**
No 93, Tingkat Bawah
Jalan Bangsar
51200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 2202 0937

**PAZA Cawangan Seputeh**
Lot 4-G & 4-1
Medan Klang Lama 28
58100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 7772 9423

**PAZA Cawangan Segambut**
C-0-3A, M Avanue
Jalan Segambut, 1-38A
Segambut Bahagia
51200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 6243 4080 / 03- 6243 4081

**PAZA Cawangan Wangsa Maju**
No 19, Jalan 9/23E, Taman Danau Kota
Off Jalan Genting Klang
53300 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-4131 0469

**PAZA Cawangan Labuan**
Lot 2-2 Aras 2 UTC Labuan Pasar Sentral
Labuan 87000 Labuan
No. Tel : 087- 442 492

## SYARIKAT & YAYASAN

**Hospital PUSRAWI**
Lot 149, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 2687 5000
No. Faks : 03- 2687 5001

**Pusat Pungutan Zakat MAIWP**
Wisma PPZ, 68-1-6
Dataran Shamelin
Jalan 4/91 Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 9289 5757
No. Faks : 03- 9289 5757

**Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur**
Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kg. Pandan
Taman Maluri
55100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 9281 4054
No. Faks : 03- 9281 4052

**Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS**
No.3, Jalan 31/10A
Kawasan Perindustrian IKS
Taman Batu Muda
Batu Caves
68100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 4045 3876
No. Faks : 03- 4045 3877

**Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan**
Tingkat Bawah, Lot 1
Bangunan Tabung Haji
148, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 4041 4155
No. Faks : 03- 4041 4199

**MAIWP Dagang Sdn. Bhd**
Suite 16-H, Tingkat 16
Bangunan PERKIM
No.150, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 4050 7886
No. Faks : 03- 4050 7885

**Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.**
Aras 34, Menara Imarah Wakaf
22, Jalan Perak
50450 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-2166 1022

**MAIWP Healthcare Sdn. Bhd.**
Klinik PUSRAWI
Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03- 4040 0425
No. Faks : 03-4044 6775

## *Lagu Korporat*

**MAIWP BERBAKTI BERJASA**

Kita Bekerja Menabur Bakti
Tekadkan Usaha Ikhlas Di Hati
Amalan Mulia Harapan Semua
Demi Agama Islam Tercinta

Kita Aturkan Langkah Bersama
Membimbing Insan Sejahtera
Membela Asnaf Memperkasakan Ummah
Semoga Diredhai Allah

MAIWP Terus Menabur Jasa
Rela Berkorban Jiwa Raga
Bijaksana Berjihad Berhemah
Membina Perpaduan Ummah

Laksana Tugas Kita Bersama
Quran dan Sunnah Pegangan Kita
Semarakkan Syiar Islam Yang Mulia
MAIWP Berbakti Berjasa

MAIWP


**MAJLIS AGAMA ISLAM**
**WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras 10, Bangunan PERKIM
No. 150, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur.

maiwp.hq
@MAIWPHQ
hqmaiwp


**WWW.MAIWP.GOV.MY**




